

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2021

HARI RABU : 22 DISEMBER 2021

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Dato' Haji Jefridin Bin Haji Atan minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah pinjaman Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN) yang telah dibayar semula oleh peminjam menggunakan insentif diskaun yang diumumkan Kerajaan menerusi Bajet 2022. Nyatakan juga jumlah diskaun yang telah dinikmati oleh peminjam PTPTN ini sepanjang tempoh tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Semenjak pelaksanaan insentif diskaun bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN) mulai 1 November 2021, sebanyak RM297.64 juta bayaran balik telah diterima pada bulan November 2021 sahaja.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM206.97 juta kutipan telah layak mendapat diskaun melibatkan 292,805 pinjaman, dengan jumlah diskaun diberikan bernilai lebih RM31.46 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SERUANDI BIN SAAD
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan perancangan Kementerian bagi memastikan bekalan makanan asas tidak akan terjejas sepanjang musim tengkujuh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa mengambil langkah-langkah bagi memastikan bekalan makanan asas terjamin semasa musim tengkujuh seperti berikut:

- (i) menyediakan stokpail bekalan beras yang sedia digunakan pada bila-bila masa sekiranya berlaku kecemasan dan sebarang insiden luar jangka yang kritikal kepada negara;
- (ii) melaksanakan sekatan eksport bagi spesies ikan terpilih di bawah Kaedah-Kaedah Pemasaran Ikan 2010, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia;
- (iii) menyediakan stok simpanan ikan sejuk beku bagi menampung bekalan ikan di kawasan tengah, selatan, utara dan pantai timur Semenanjung Malaysia;
- (iv) mengalakkan penggunaan dan pemilihan ikan segar sejuk beku (Q-Fish) sebagai alternatif kepada ikan segar basah; dan
- (v) mengimport komoditi sayur-sayuran segar terpilih bagi menambah bekalan sayur-sayuran di pasaran.

Di samping langkah-langkah di atas, MAFI juga sentiasa berusaha untuk memastikan peningkatan terhadap stok komoditi agromakanan melalui pendekatan seperti berikut:

- (i) mengaplikasikan teknologi-teknologi terkini yang membolehkan pengeluaran makanan dapat dilaksanakan setiap masa tanpa mengira perubahan cuaca seperti penghasilan sayur-sayuran di dalam persekitaran terkawal (*veggie factory/ plant factory*);
- (ii) meningkatkan pengeluaran daging dan susu menerusi strategi-strategi yang telah digariskan di dalam Pelan Strategik Pembangunan Industri Pedaging Negara (*Bif Plan*) 2021-2025 dan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tenusu Negara (*Dairy Plan*) 2021-2025; dan
- (iii) melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan input pertanian seperti benih dan baka yang mempunyai daya tahan dan kerintangannya yang tinggi kepada cuaca.

Bagi perancangan jangka masa panjang dalam menangani cabaran perubahan iklim termasuk musim tengkujuh, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 (Pelan DSMN) antara lain, akan mempergiatkan pertanian mampan yang mesra alam dan berdaya tahan terhadap iklim bagi memastikan rantai bekalan makanan negara sentiasa mencukupi dan terjamin dalam apa jua keadaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN
NAIR
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan strategi yang sedang dirangka bagi memastikan Pelan Tindakan Industri Pelancongan Kesihatan 2021-2025 berupaya meningkatkan dan melestarikan kualiti penyampaian servis kesihatan di klinik-klinik kesihatan serta hospital-hospital awam setanding dengan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh hospital-hospital swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia telah melancarkan Pelan Tindakan Industri Pelancongan Kesihatan Malaysia 2021-2025 (*Malaysia Healthcare Travel Industry Blueprint 2021-2025*) pada 1 November 2021. Ia bertujuan untuk memulih dan membangunkan semula industri pelancongan kesihatan negara melalui pengukuhan ekosistem pelancongan kesihatan, mempromosikan jenama *Malaysia Healthcare* secara efektif dan memperkembangkan pasaran sasaran secara khusus. Pelan Tindakan Industri Pelancongan Kesihatan ini tertumpu khusus kepada kerjasama kerajaan dengan hospital-hospital swasta terpilih yang memenuhi kriteria-kriteria tertentu sahaja bagi memastikan pelancong kesihatan mendapat perkhidmatan yang terbaik dan tidak membebankan kapasiti perkhidmatan kesihatan awam di Malaysia.

NO SOALAN: 13

2. Antara inisiatif-inisiatif utama yang sedang dilaksanakan dibawah Pelan Tindakan ini termasuk strategi untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan seperti:
- (i) Pembangunan serta pelaksanaan Garis Panduan Pusat Kecemerlangan (*Centre of Excellence Guidelines*). Penetapan piawaian melalui pelaksanaan garis panduan ini dapat mendorong pencapaian kualiti perkhidmatan perubatan yang tinggi terhadap fasiliti yang layak diakreditasi sebagai Pusat Kecemerlangan.
 - (ii) Kolaborasi awam dan swasta (*PPP - Public-Private Partnership*) dalam usaha untuk mengukuhkan ekosistem kesihatan di Malaysia. Ini dapat meningkatkan daya keupayaan kedua-dua sektor ini melalui inisiatif latihan kepakaran, penyelidikan dan pembangunan.
 - (iii) Mewujudkan Kerangka Digital Industri Pelancongan Kesihatan dalam usaha meningkat serta memperbaiki pengalaman pelancong kesihatan di sepanjang rangkaian penerimaan rawatan mereka di Malaysia. Ini termasuk mengalakkan hospital-hospital untuk mengadaptasi konsultasi dan rawatan secara atas talian, serta menawarkan perkhidmatan secara keseluruhan (*end-to-end*) termasuk, perubatan, pergigian, rawatan mata, rehabilitasi, dan kesejahteraan kesihatan.

NO SOALAN: 13

3. Kementerian akan berusaha untuk meningkatkan lagi pembangunan kualiti penjagaan dan perkhidmatan kesihatan melalui kolaborasi PPP klinik-klinik dan hospital-hospital awam dan swasta secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ROBERT LAU HUI YEW
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan Kerajaan dalam menyediakan perumahan kos rendah bagi golongan B40 bagi Sarawak dan terutamanya bagi Sibu untuk tahun 2022 sehingga 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya terdapat 154 projek Program Perumahan Rakyat (PPR) merangkumi 97,196 unit yang telah siap dibina di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10 projek PPR telah siap dibina di Sarawak merangkumi 4,791 unit dan 1 projek PPR masih dalam pembinaan merangkumi 461 unit yang menjadikan jumlah keseluruhan adalah sebanyak 5,252 unit PPR di Sarawak.
2. Di Sibul pula, terdapat 1 projek PPR yang telah siap dibina di Parlimen Sibul pada tahun 2011 iaitu PPR Rantau Panjang Park, Seduan dengan jumlah keseluruhan unit sebanyak 500 unit. Selain itu, terdapat satu PPR dalam pembinaan iaitu PPR Seduan yang melibatkan pembinaan 461 unit rumah teres 1 tingkat yang kini telah mencapai kemajuan fizikal sebanyak 25%. Projek ini dijangka akan dapat disiapkan sepenuhnya pada tahun 2023 dan akan diserahkan kepada pihak Kerajaan Negeri untuk pengisian dan pengurusan apabila siap kelak.
3. Di samping projek PPR, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) menyediakan Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) bagi golongan B40. Sehingga kini sebanyak 1,521 unit RMR telah siap dibina di Sarawak dan 68 unit sedang dalam pembinaan. Di Sibul, terdapat 1 unit RMR yang sedang dalam pembinaan dan 2 unit di peringkat perancangan. Pada tahun 2022 pula, sebanyak RM13.6

juta diperuntukkan untuk Sarawak bagi perancangan pembinaan 144 unit RMR.

4. KPKT juga telah menerima tiga (3) cadangan tapak daripada Kerajaan Negeri Sarawak untuk pembinaan Rumah Malaysia (Disewa). Tapak yang dicadangkan adalah di Kidurong (Bintulu), Permyjaya (Miri) dan Kampung Pulau Salak (Pasir Pandak). Cadangan ini akan dipertimbangkan berdasarkan kepada kesesuaian tapak dan keperluan penduduk setempat. Namun, kelulusan bagi projek-projek ini adalah bergantung kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK
CHEE
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan maklumat terkini mengenai tuntutan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) terhadap Johor sebagai salah satu daripada empat negeri yang dikenal pasti sebagai lokasi pembuangan sisa toksik haram, adakah Kementerian menerima laporan terperinci daripada MYSA dan mohon jelaskan penemuan laporan tersebut beserta langkah yang diambil oleh Kerajaan Pusat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Persoalan Yang Berhormat adalah merujuk kepada artikel bertajuk “Empat Negeri Dikenalpasti Lokasi Buang Sisa Toksik Haram“ yang disiarkan di Berita Harian pada 24 Oktober 2021 dan juga artikel bertajuk “Satelit, dron kesan 4,884 tapak pelupusan haram" pada 28 Oktober 2021.
2. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) mendapati bahawa hasil cerapan oleh pihak Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) dalam artikel tersebut adalah merujuk kepada maklumat yang dikemukakan kepada Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) pada tahun 2019 dan di antara 4 negeri yang dinyatakan dalam artikel tersebut adalah termasuk Negeri Johor.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susulan isu pencemaran Sungai Kim Kim pada Mac 2019, MESTECC pada ketika itu telah mewujudkan satu “Jawatankuasa Khas Mengenai Pengurusan dan Pengawalseliaan Bahan Buangan Terjadual Kebangsaan” di mana salah satu peranannya adalah membuat penyelarasan dan pemeriksaan ke atas senarai 4,888 data satelit yang dicerap oleh pihak MYSA yang pada masa itu adalah salah satu agensi dibawah MESTECC dan dikenali sebagai Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM). Manakala pihak Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bersama-sama

JAS Negeri telah diminta untuk membuat pemeriksaan terhadap data yang dicerap di tapak-tapak tersebut yang dikatakan wujud pelupusan haram buangan terjadual (buangan toksik dan berbahaya).

4. Hasil siasatan oleh JAS dan PBT pada 2019 mendapati kebanyakan tapak tersebut adalah tanah kosong, bangunan terbiar, tapak pelupusan sampah domestik dan sebagainya termasuk ada kawasan yang telah pun didirikan bangunan. Sebagai contoh, di Negeri Kedah terdapat 172 data yang dicerap oleh MYSA dan melalui pemeriksaan serta verifikasi di tapak, mendapati tiada kawasan yang ditemui melupuskan buangan terjadual.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Sehingga kini, KASA tidak menerima apa-apa laporan tambahan daripada MYSA berhubung perkara ini. KASA menghargai serta berterima kasih atas kerjasama dan maklumat satelit yang dikemukakan oleh MYSA. Dalam hal ini, KASA akan mendapatkan maklumat lanjut daripada MYSA berdasarkan imej dan data terkini dengan memfokuskan kepada aktiviti pencegahan. KASA berpendapat sebarang maklumat cerapan perlu diteliti dan disiasat terlebih dahulu oleh JAS dan PBT, terutamanya yang melibatkan lokasi haram pelupusan buangan terjadual agar tidak menimbulkan sebarang keresahan di kalangan orang awam.

6. Berdasarkan kepada pemantauan dan maklumat semasa, JAS mendapati tiada sebarang tapak pelupusan haram buangan terjadual baharu yang dijumpai pada masa ini. Jika terdapat sebarang maklumat atau aduan baharu mengenai perkara ini, JAS akan menjalankan siasatan segera dan tindakan yang tegas akan diambil. Pasukan penguatkuasa

JAS akan terus membuat pemeriksaan dan siasatan serta pemantauan susulan termasuk melalui teknologi dron terhadap tapak-tapak yang disyaki terlibat dengan pelupusan haram buangan terjadual.

7. KASA menegaskan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang melakukan atau terlibat dengan pelupusan haram buangan terjadual dan mencemarkan alam sekitar. Tindakan tegas akan diambil di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Kesalahan melakukan pelupusan haram buangan terjadual boleh diambil tindakan mahkamah dan jika sabit kesalahan, pihak yang bertanggungjawab boleh dikenakan penjara mandatori sehingga 5 tahun dan denda maksimum sehingga RM500,000.00 (lima ratus ribu ringgit).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AKNAN EHTOOK
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan 10 negara yang mempunyai bilangan tenaga kerja Malaysia tertinggi mengikut sektor dan berdasarkan pengamatan Kementerian apakah puncanya jika jumlah ini didapati meningkat di masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Negara yang menjadi destinasi pilihan untuk rakyat Malaysia adalah Singapura, Australia, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Kanada. Ini adalah berdasarkan laporan Bank Dunia 2015 dan turut disokong oleh data Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tahun 2019. Laporan tersebut juga menyatakan diaspora Malaysia terlibat dalam sektor professional seperti perkhidmatan kewangan, kesihatan, perkhidmatan dan pembuatan.

Bermula Oktober 2021, Kementerian melalui TalentCorp dengan kerjasama Bank Dunia sedang melaksanakan kajian yang melibatkan pengumpulan data diaspora Malaysia seperti tahap pendidikan, pekerjaan dan sektor industri, seterusnya mewujudkan peta tumpuan (heat map) diaspora Malaysia di luar negara. Kajian ini dijangka siap pada April 2022.

Berdasarkan kepada laporan Bank Dunia juga, faktor rakyat Malaysia berhijrah ke luar negara adalah peluang pekerjaan, kadar gaji yang ditawarkan serta peluang melanjutkan pendidikan sekaligus membuka ruang untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka di pasaran antarabangsa.

Soal-selidik yang dilaksanakan oleh TalentCorp pada tahun ini ke atas diaspora Malaysia mendapati sebanyak **85% ingin kembali**

berkhidmat di tanah air. Sejak program Kepulangan Pakar dilaksanakan oleh TalentCorp, sehingga November 2021, sebanyak **10,200 permohonan** untuk pulang telah diterima oleh pihak TalentCorp. Daripada jumlah ini, sebanyak **6,087 bakat telah diluluskan** dan **3,977 telah pun kembali ke tanah air**.

Namun begitu, Kementerian juga sedar norma baharu dunia tanpa sempadan pada hari ini membolehkan diaspora di luar negara dan rakyat di dalam negara, berkhidmat dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia tanpa perlu berada di tanah air melalui konsep kitaran intelektual (*brain circulation*). Ini disokong dengan hasil soal-selidik yang sama oleh TalentCorp, mendapati **92% diaspora Malaysia ingin menyumbang** kepada pembangunan ekonomi, antara lain melalui khidmat perundingan, perkongsian pengetahuan, dan program bimbingan (mentorship).

Selaras dengan ini, Kementerian melalui TalentCorp akan terus meningkatkan usaha menghubungkan bakat berkemahiran tinggi Malaysia di luar negara dengan jaringan majikan dan peluang pekerjaan tersedia di dalam negara bertepatan dengan keperluan industri. Melalui inisiatif ini, diharap akan menggalakkan lebih ramai pakar-pakar berkemahiran tinggi untuk menyumbang tenaga dan kepakaran intelektual, bukan sahaja dengan kembali berkhidmat di Malaysia tetapi juga memberikan sumbangan dan perkongsian pengalaman kepakaran dari perantauan sekaligus merapatkan jurang kemahiran yang diperlukan untuk pembangunan negara di samping mengurangkan kebergantungan industri kepada ekspatriat dan pekerja asing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI AHMAD BIN YAHAYA
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Dato' Haji Ahmad bin Yahaya minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan rancangan strategik untuk memformulakan suatu dasar yang khusus terhadap pembangunan industri kereta elektrik supaya negara mempunyai hala tuju yang jelas dalam industri ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Untuk Dasar Pembangunan Industri Kereta Elektrik rujukan boleh dibuat kepada Dasar Automotif Negara (NAP) 2020 di mana objektif utama NAP 2020 adalah untuk membangunkan Malaysia sebagai hab automotif serantau bagi Kenderaan Cekap Tenaga (EEV) termasuk kenderaan elektrik (EV) dengan fokus kepada pembangunan Kenderaan Generasi Masa Hadapan (*Next Generation Vehicles - NxGVs*), Mobiliti Sebagai Perkhidmatan (*Mobility as a Service - MaaS*) dan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

Kerajaan telah menggariskan beberapa langkah bagi menggalakkan pengeluaran dan pemasangan EV merangkumi:

- i. Pertama, menyediakan insentif dan galakan cukai bagi aktiviti pembuatan komponen kritikal seperti pembuatan bateri dan pembangunan Sistem Pengurusan Bateri (*Battery Management System - BMS*) dan Sistem Pengurusan Termal (*Thermal Management System -TMS*);
- ii. Kedua, membangunkan standard untuk menyokong ekosistem industri EV termasuk:
 - a. sistem pengecasan kenderaan elektrik yang bersesuaian;
 - b. sistem integrasi *powertrain* EV;
 - c. aktiviti kitar semula dan pelupusan bateri; dan
 - d. teknologi penukaran bateri (*Battery Swapping*) dan pengecasan tanpa wayar (*Wireless Charging*).

- iii. Ketiga, membangunkan tenaga mahir dalam bidang telematik dan teknologi termaju yang meliputi program pembangunan modal insan meliputi pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standard - NOSS*).

Keempat, insentif cukai juga ditawarkan bagi aktiviti pemasangan atau pengilangan tempatan bagi kenderaan dan komponen EV serta perkhidmatan teknologi hijau. Perkhidmatan teknologi hijau melibatkan pemasangan, penyelenggaraan, pembaikan peralatan pengecasan EV serta infrastruktur kitar semula bersepadu.

Kelima, untuk memastikan Malaysia berupaya meningkatkan daya saing menarik pelaburan dalam sektor EV dan menggalakkan lebih banyak industri automotif tempatan beralih kepada penghasilan kenderaan EV, Kerajaan telah menawarkan insentif bukan sahaja kepada pengeluar dan pemasang kenderaan dan komponen, tetapi juga merangkumi pengguna secara amnya.

Insentif kepada pengguna dijangka dapat meningkatkan permintaan ke atas EV yang dapat menggalakkan pelaburan bukan sahaja bagi pengeluaran kenderaan dan komponen tetapi juga daripada segi sokongan infrastruktur EV. Berdasarkan objektif tersebut, Kerajaan telah mengumumkan pakej insentif menyeluruh di bawah Belanjawan 2022.

Keenam, bagi memastikan infrastruktur EV iaitu stesen pengecasan dapat disediakan untuk memenuhi penggunaan kenderaan EV, Kerajaan juga sedang membuat perancangan campuran tenaga bagi memastikan bekalan tenaga elektrik dalam negara berupaya untuk menyokong

NO SOALAN: 17

keperluan sektor industri, peruncitan dan pengangkutan. Selain daripada itu, wujud keperluan untuk kerjasama awam dan swasta dalam memacu pembangunan infrastruktur stesen pengecasan EV.

NAP 2020 dan pakej insentif EV di bawah Belanjawan 2022 akan menyokong pembangunan ekosistem EV dalam negara seterusnya membantu merealisasikan sasaran bagi Malaysia mencapai negara neutral karbon seawal-awalnya pada tahun 2050 seperti digariskan di bawah RMKe-12.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARKH : 22 DISEMBER 2021**

Datuk John Ambrose minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah keluasan tanah yang produktif untuk digunakan sebagai padang ragut dan apakah langkah Kementerian bagi meningkatkan kualiti padang ragut untuk digunakan oleh sektor penternakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga tahun 2021, jumlah keluasan rizab padang ragut yang ditawarkan kepada penternak untuk mengusahakan aktiviti penternakan ialah seluas 29,312 hektar. 12,549 hektar (43%) adalah produktif, manakala 16,763 hektar (57%) tidak produktif.

Bagi meningkatkan kualiti dan daya guna tanah rizab padang ragut, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah mengambil langkah intervensi dengan menubuhkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di rizab padang ragut bagi menggalakkan pelaburan sektor swasta dan penyertaan golongan sasar dalam bidang pengeluaran makanan dan hasil ternakan.

Melalui penubuhan TKPM, MAFI menerusi DVS telah membangunkan 16 buah Ladang Satelit Nasional (LSN) yang melibatkan pembinaan 72 unit kandang di tujuh (7) buah negeri iaitu di Kedah, Terengganu, Kelantan, Pahang, Perak, Negeri Sembilan dan Johor sebagai usaha untuk menggalakkan penglibatan pemain-pemain industri bagi menceburi bidang penternakan dengan kos awal operasi yang minima.

Turut dibangunkan adalah Taman Kekal Pengeluaran Ruminan (TKPR) di padang ragut tanah Persekutuan bagi meningkatkan kualiti dan daya guna tanah menerusi aktiviti-aktiviti seperti pembangunan tanah, penanaman pastura, pembinaan infrastruktur dan prasarana asas. Kementerian juga turut menjalin kerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk membangunkan kawasan-kawasan lain di rizab padang ragut yang bukan bertaraf TKPM bagi meningkatkan kualiti padang ragut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi menangani kekangan bahasa (*language barrier*) bagi keluarga B40 yang menghadapi kurang upaya pembelajaran dan dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius berkenaan perkhidmatan yang diberikan oleh agensi dibawahnya perlu meliputi semua penduduk di Malaysia tanpa mengira latar belakang termasuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Memandangkan terdapat banyak kumpulan sasaran KPWKM termasuk Orang Kurang Upaya (OKU), pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga sentiasa didedahkan dengan **pengurusan khidmat pelanggan** yang baik dan juga **teknik-teknik berinteraksi dengan OKU termasuk menangani isu kekangan bahasa (*language barrier*) yang dihadapi oleh OKU masalah pembelajaran seperti autisme.**

Sehubungan itu, antara langkah-langkah yang diambil ialah dengan menyediakan kursus **Disability Equality Training (DET)/ Disability Awareness Training (DAT)/ Disability Related Service Training (DRST) kepada pegawai JKM** bagi memahami ketidakupayaan dan teknik-teknik menyantuni semua kumpulan OKU termasuk OKU pembelajaran. **Kursus *job coach* juga turut disediakan kepada kakitangan** untuk membantu OKU khususnya OKU pembelajaran.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian juga melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat turut melaksanakan sentiasa melaksanakan transformasi dalam meningkatkan kecekapan pengurusan perkhidmatan pelanggan melalui inisiatif **Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan WeServe JKM**. WeServe dilaksanakan untuk **meningkatkan budaya perkhidmatan pelanggan yang cemerlang** di kesemua Pejabat JKM demi memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan termasuklah **mengambil kira keperluan akses untuk golongan OKU**. Antara aspek yang diberi perhatian dalam menyediakan akses kepada golongan OKU adalah **persekitaran yang kondusif dan penyediaan kemudahan sokongan**.

Persekitaran yang kondusif termasuklah **menyediakan tempat dan ruang yang kondusif bagi keselesaan OKU**. Antaranya adalah penyediaan **kaunter khas yang mesra OKU, laluan ramp bagi kemudahan kerusi roda dan tempat letak kenderaan khas untuk OKU**.

Selain itu, melalui peruntukan di bawah Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya sentiasa berusaha untuk meningkatkan **advokasi pegawai JKM mengenai kepentingan reka bentuk sejagat dan kemudahan mesra OKU** disediakan di premis JKM. Antara usaha yang dilaksanakan adalah:

- i. **Penglibatan Kakitangan JKM dalam Bengkel *Training of Trainers* dan Audit Akses** mengenai reka bentuk sejagat dan audit akses kemudahan dan persekitaran alam bina yang dilaksanakan secara berkala pada setiap tahun.

- ii. **Pelaksanaan Audit Akses di Premis JKM** secara berkala dengan kerjasama pakar audit akses pada setiap tahun. Semua Laporan Audit Akses dikemukakan kepada premis berkaitan untuk tindakan penambahbaikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. HAJI ZULKIFLI
MOHAMAD AL-BAKRI
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan menyatakan langkah-langkah pengubalan undang-undang yang lebih keras untuk membela nasib mangsa yang teranaiya akibat kecuaiian pemandu mabuk.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pengangkutan telah pun menguatkuasakan pindaan ke atas Akta Pengangkutan Jalan (1987) mulai 23 Oktober 2020. Sejak berkuatkuasanya pindaan Akta tersebut, hukuman yang lebih berat telah diperuntukkan termasuk meningkatkan kadar denda, tempoh penjara dan menjadikan hukuman penjara sebagai mandatori bagi jenis-jenis kesalahan tertentu termasuk kesalahan pemanduan di bawah pengaruh alkohol atau dadah. Pindaan hukuman ini bertujuan menjadi satu bentuk deterrence dan memupuk kesedaran kepada orang ramai ke atas pematuhan undang-undang.

Kementerian Pengangkutan juga telah meminta pihak Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) untuk melaksanakan satu kajian keberkesanaan ke atas semua langkah intervensi yang dijalankan bukan sahaja oleh Kementerian Pengangkutan, tetapi oleh semua pihak pemegang taruh yang lain, bagi menangani isu memandu di bawah pengaruh bahan terlarang, memandangkan pindaan RUU 333 tersebut telah dikuatkuasakan hampir setahun. Di samping itu, kajian ini juga akan mengesyorkan lain-lain langkah intervensi dan kaedah yang boleh dilaksanakan bagi menangani isu pemandu mabuk ini di masa hadapan.

NO SOALAN: 20

Dalam pada masa itu, Kementerian Pengangkutan akan terus bekerjasama dengan pihak KDN dan PDRM dalam melaksanakan program sedia ada seperti melaksanakan aktiviti kempen dan advokasi serta mengukuhkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ARMAN AZHA BIN ABU
HANIFAH
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan keberkesanan pelaksanaan program Bakul Prihatin Negara yang digerakkan di seluruh negara dan apakah strategi terkini Kementerian bagi memperkasa program ini bagi memastikan manfaatnya diterima oleh lebih ramai penerima yang layak dan memerlukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan program penyampaian bakul makanan. Ia merupakan satu inisiatif prihatin Kerajaan bertujuan untuk memastikan rakyat yang terkesan, terjejas dan memerlukan bantuan sepanjang pandemik COVID-19 dibantu bagi memastikan rakyat dapat meneruskan kelangsungan hidup mereka.

Program ini dilaksanakan melalui **pembekalan barang asas keperluan makanan yang diagihkan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang khususnya disampaikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat** kepada mereka yang memohon melalui pelbagai mekanisme yang memudahkan rakyat seperti **talian telefon Bilik Gerakan, Talian Kasih 15999, hadir terus ke pejabat** dan lain-lain lagi.

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Sidang Khas MKN pada 26 Mac 2020, Kerajaan telah bersetuju untuk menyediakan bakul makanan kepada mereka yang memerlukan sepanjang tempoh pandemik COVID-19 yang diuruskan oleh Kementerian. Sejumlah **RM106.8 juta** telah dibelanjakan sepanjang bulan **Mac 2020 hingga Julai 2021** yang mana **RM34.6 juta** menggunakan **Tabung COVID-19** manakala **RM72.2 juta** menggunakan peruntukan Kementerian Kewangan. Nilai bakul bagi

agihan Fasa 1 iaitu pada Mac 2020 adalah berjumlah RM50 manakala nilai bakul bagi Fasa 2 dan seterusnya telah dinaikkan kepada RM100 dan sehingga kini telah memberi manfaat kepada **1,131,385 Ketua Isi Rumah (KIR)**. Untuk makluman, pemberian bakul ini juga tidak hanya kepada golongan miskin di bawah JKM tetapi juga diagihkan kepada rakyat yang terkesan, terjejas dan memerlukan bantuan sepanjang pandemik COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, susulan dari kejayaan program bakul makanan ini, Kerajaan memutuskan untuk meneruskan program bakul makanan melalui **Program Bakul Prihatin Negara (BPN)** yang dilancarkan pada 15 Julai 2021. BPN merupakan satu program secara kerjasama pintar berkonsepkan "*Whole of Society*" antara Kerajaan, Syarikat Berkaitan Kerajaan, Syarikat Korporat dan Sukarelawan Skwad Prihatin Negara (SPN) yang berjumlah 19,835 orang. Peruntukan untuk BPN adalah sepenuhnya sumbangan syarikat korporat seperti PETRONAS, AEON (co), Pharmaniaga, Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia serta Yayasan Sime Darby.

NO SOALAN: 21

Sejak BPN dilancarkan, dana yang terkumpul dan diuruskan oleh Kementerian melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) berjumlah **RM21 juta**. Sejumlah **354,200 KIR telah menerima bakul BPN** dan memberi manfaat kepada **lebih 1.4 juta ahli isi rumah**. Program BPN ini telah tamat pada 15 Oktober 2021, sejajar dengan pembukaan semula sektor ekonomi negara di bawah Pelan Pemulihan Negara. Bagi kes yang masih memerlukan bantuan serta di bawah pendapatan miskin tegar, boleh membuat permohonan bantuan yang bersesuaian di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berdekatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. NUIING JELUING
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan statistik terkini warga asing yang menyewa rumah Projek Perumahan Rakyat dan sederhana yang diperuntukkan khas untuk rakyat Malaysia dan bagaimana perkara ini boleh berlaku. Apakah langkah-langkah yang telah diambil dan akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan perkara ini dapat diselesaikan dengan segera dan tidak berulang lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa peka dan prihatin terhadap isu warga asing yang menyewa unit Program Perumahan Rakyat (PPR). Sehingga 30 September 2021, terdapat 154 projek (97,196 unit) rumah PPR telah siap dibina oleh KPKT. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 11 projek adalah di bawah pengurusan KPKT manakala 143 projek adalah di bawah pengurusan kerajaan negeri melalui SUK Perumahan/Lembaga Perumahan Negeri masing-masing.
2. Berdasarkan rekod KPKT, tiada unit rumah PPR di bawah pengurusan KPKT yang disewakan kepada warga asing. Mengikut syarat yang telah ditetapkan, rumah PPR tidak boleh disewakan (*sublet*) sama sekali kepada mana-mana pihak luar termasuk warga asing.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang telah diambil oleh KPKT untuk memantau pematuhan terhadap syarat tersebut adalah seperti berikut:
 - (i) menyediakan platform untuk aduan penyalahgunaan rumah PPR di bawah kawal selia KPKT melalui Sistem Aduan Bersepadu (SAB) KPKT dan Hotline Perumahan bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan selanjutnya dibuat;

- (ii) mengadakan kerjasama dengan pihak kerajaan negeri bagi memastikan pengurusan projek PPR dibuat secara efektif termasuk isu *sublet* unit kepada orang lain dan lain-lain isu yang berkaitan; dan
 - (iii) bekerjasama dengan agensi Persekutuan dan Negeri seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi tujuan pemantauan PPR serta memastikan hanya pemilik yang sah sahaja menetap di unit-unit PPR tersebut.
4. Sekiranya pihak KPKT menerima aduan mengenai isu penyewaan PPR kepada warga asing, tindakan penguatkuasaan akan diambil tanpa bertolak ansur. KPKT juga akan mengeluarkan notis tunjuk sebab kepada penyewa yang didapati menyalahgunakan rumah PPR sebelum mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas seperti pembatalan kontrak serta penalti atau mengarahkan mereka untuk mengosongkan unit-unit PPR tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AKNAN A/L EHTOOK
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Tuan Aknan a/l Ehtook minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan asas yang dirujuk dalam memperuntukkan RM50 juta bagi penyelenggaraan rumah ibadat selain Islam dan prinsip yang digunakan untuk menghadkan setiap permohonan yang diluluskan tidak melebihi RM50,000.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, nilai RM50,000 yang ditetapkan sebagai had bagi setiap permohonan yang diluluskan merupakan suatu dana bantuan oleh Kerajaan dan ia bukanlah untuk menampung sepenuhnya kos pembiayaan penyelenggaraan rumah ibadat. Had ini ditetapkan secara prinsip bagi memastikan lebih banyak rumah ibadat selain Islam memperoleh manfaat daripada bantuan ini.

Berhubungan dengan perkara yang sama, sekiranya terdapat keperluan, pengurusan rumah ibadat juga boleh memohon pengecualian cukai melalui s44(6) iaitu sumbangan yang diterima dikecualikan daripada cukai pendapatan. Selain itu, para penderma juga layak menerima potongan cukai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk memperhalusi isu guru yang enggan divaksin serta apakah perancangan Kementerian berkenaan isu yang sama di sekolah swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk menyediakan persekitaran sekolah yang selamat bagi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka. Dalam hal ini, KPM sentiasa memantau rapi status vaksinasi warga sekolah termasuk guru, anggota kumpulan pelaksana dan pekerja sokongan sekolah.

Guru adalah penjawat awam yang tertakluk kepada peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Oleh itu, KPM akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2021 yang disediakan oleh JPA. Selaras dengan pekeliling tersebut, KPM akan memastikan guru yang enggan divaksin perlu melengkapkan vaksinasi kecuali mereka yang mendapat pengesahan daripada pengamal perubatan berdaftar. Sekiranya guru tersebut masih gagal mematuhi arahan ini, mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Pada masa yang sama, KPM secara berterusan mengadakan konsultasi untuk memastikan semua guru menerima vaksin. KPM turut melaksanakan pelbagai program kesedaran vaksinasi melalui sesi libat urus, serta pendekatan secara berhemah seperti pujukan oleh bahagian, jabatan pendidikan negeri dan pejabat pendidikan daerah. Guru yang tidak boleh divaksin atas sebab kesihatan perlu mengemukakan maklumat kesihatan yang telah disahkan oleh pegawai perubatan

kerajaan kepada Ketua Jabatan masing-masing.

Bagi guru yang berkhidmat di institusi pendidikan swasta yang berdaftar dengan KPM, mereka perlu mematuhi garis panduan berkaitan vaksinasi yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0. Walau bagaimanapun, tindakan ke atas guru di institusi berkenaan yang enggan divaksin tertakluk kepada keputusan pentadbiran institusi masing-masing.

Sekian, terima kasih,

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Dato' Haji Husain bin Awang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyemak kadar pencen bagi pesara-pesara perkhidmatan awam memandangkan kos hidup yang kian meningkat khususnya dalam kumpulan penjawatan rendah dan peringkat sokongan.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Skim Pencen Malaysia merupakan skim pencen pekerjaan di mana kadar pencen yang diterima adalah bergantung kepada tempoh perkhidmatan dan gaji akhir yang diterima oleh seseorang pegawai.
2. Pelbagai penambahbaikan berkaitan kadar pencen telahpun dilaksanakan oleh Kerajaan seperti berikut:
 - a. peningkatan kadar pencen terendah bagi pegawai yang mempunyai sekurang-kurangnya 25 tahun perkhidmatan yang boleh dimasukira daripada RM720.00 kepada RM820.00 sebulan pada tahun 2012;
 - b. kenaikan pencen 2% bagi setiap tahun mulai tahun 2013;
 - c. kenaikan kadar pencen terendah bagi pegawai yang mempunyai sekurang-kurangnya 25 tahun perkhidmatan yang boleh dimasukira daripada RM820.00 kepada RM950.00 sebulan pada tahun 2016; dan
 - d. kenaikan kadar pencen terendah bagi pegawai yang mempunyai sekurang-kurangnya 25 tahun perkhidmatan yang boleh dimasukira daripada RM950.00 kepada RM1000.00 sebulan pada tahun 2018.

NO SOALAN: 25

3. Kerajaan mengambil perhatian perkara ini dan akan melihat kebajikan pesara dari semasa ke semasa tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI BASHIR BIN HAJI
ALIAS
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Datuk Haji Bashir bin Haji Alias minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan jumlah guru yang tidak divaksin di Labuan dan punca mereka tidak divaksin serta tindakan yang akan diambil oleh Kementerian memandangkan tempoh masa untuk mereka mendapatkan suntikan vaksin seperti mana yang ditetapkan oleh pihak Kementerian iaitu pada 1 November 2021 telah berakhir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk menyediakan persekitaran sekolah yang selamat bagi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka. Dalam hal ini, KPM sentiasa memantau rapi status vaksinasi warga sekolah termasuk guru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sehingga 23 November 2021 terdapat empat orang guru di Wilayah Persekutuan Labuan yang masih belum mengambil vaksin. Dua orang daripada mereka menghadapi masalah kesihatan dan pengambilan vaksin ditangguhkan atas nasihat pakar perubatan. Manakala, dua orang lagi masih belum mengambil vaksin atas sebab ketidakyakinan.

Guru adalah penjawat awam yang tertakluk kepada peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Oleh itu, KPM akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2021 yang disediakan oleh JPA. Selaras dengan pekeliling tersebut, KPM akan memastikan guru yang enggan divaksin perlu melengkapkan vaksinasi kecuali mereka yang mendapat pengesahan daripada pengamal perubatan berdaftar. Sekiranya guru tersebut masih gagal mematuhi arahan ini, mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga boleh ditamatkan perkhidmatan.

Pada masa yang sama, KPM secara berterusan mengadakan

konsultasi untuk memastikan semua guru menerima vaksin. KPM turut melaksanakan pelbagai program kesedaran vaksinasi melalui sesi libat urus serta pendekatan secara berhemah seperti pujukan oleh bahagian, jabatan pendidikan negeri dan pejabat pendidikan daerah. Guru yang tidak boleh divaksin atas sebab kesihatan perlu mengemukakan maklumat kesihatan yang telah disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan kepada Ketua Jabatan masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka dijalankan dalam persekitaran yang selamat, guru yang tidak divaksin tidak dibenarkan berinteraksi dengan murid dalam dan luar bilik darjah. Guru tersebut perlu melaksanakan tugas-tugas PdP yang diarahkan oleh pentadbir sekolah dari semasa ke semasa selaras dengan Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0. Mereka juga dikehendaki melaksanakan ujian sendiri COVID-19 seminggu sekali dengan tanggungan sendiri sepertimana yang ditetapkan dalam Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan.

KPM yakin pendekatan dan usaha yang berterusan ini dapat mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat sepanjang sesi PdP secara bersemuka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI
ATAN
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan agresif Kementerian dalam menangani isu kenaikan harga mendadak barangan asas seperti daging ayam dan sayur-sayuran sehingga melampaui harga siling ditetapkan dan sekaligus telah membebankan pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian ini sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif bagi meminimalkan kenaikan harga barangan di dalam negara. Sehubungan itu, Kementerian telah melaksanakan **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baru Cina, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, Hari Raya Puasa, Deepavali dan Krismas**. Skim ini merupakan satu kaedah untuk menstabilkan kenaikan harga yang tidak munasabah akibat permintaan tinggi semasa musim perayaan. Kawalan harga ini dibuat bagi memastikan harga barangan tidak melonjak naik pada musim perayaan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan secara keterlaluan pada musim perayaan.

Sebagai langkah proaktif, pemantauan harga barang juga turut dilakukan secara konsisten oleh Pegawai Pemantau Harga yang telah dilantik oleh Kementerian ini untuk membuat pemantauan ke atas pasaraya besar, pasaraya, pasar basah, pasar mini, kedai serbaneka 24 jam, kedai runcit dan premis makanan siap masak di seluruh negara. Hasil pemantauan ini akan digunakan sebagai **laporan trend harga barang** dan **tindakan penguatkuasaan** sekiranya berlaku kenaikan harga.

Mana-mana peniaga yang didapati menaikkan harga barangan secara melampau, notis bertulis akan dikeluarkan kepada peniaga dan sekiranya

NO SOALAN: 27

selepas dianalisa didapati mencatut, kesalahan dibawah Sek. 14 AKHAP boleh diambil ke atas mereka.

Pada masa yang sama, Kementerian **mendapat kerjasama dari Kementerian Pertanian dan Industri Makanan** bagi memastikan bekalan makanan khususnya yang melibatkan bekalan ayam, ikan, daging dan sayuran sentiasa mencukupi dan tidak terjejas, sekaligus memastikan harganya berada dalam kadar yang berpatutan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI AZIZ BIN ARIFFIN
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Tuan Haji Aziz Bin Ariffin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini pembinaan Hospital Padang Besar yang telah diluluskan pada tahun 2015. Apakah sebab yang mengakibatkan pelaksanaan projek ini tertangguh dan ke manakah peruntukan yang pihak Kerajaan sebelum ini sediakan bagi melaksanakan projek tersebut pada tahun 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Hospital Padang Besar telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, *Rolling Plan 2* (RMK11 RP2) tahun 2017. Walau bagaimanapun, projek ini telah dibatalkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada 24 Oktober 2018. Pada masa ini, Projek Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan Kuarters Padang Besar sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada 13 Disember 2022. Untuk makluman, Hospital Tuanku Fauziah, Kangar masih dapat menampung keperluan perkhidmatan kesihatan bagi rakyat di Negeri Perlis termasuk penduduk di Padang Besar.
2. Kementerian Kesihatan Malaysia akan meneliti keperluan pembinaan sebuah hospital baharu di kawasan tersebut dan akan memohon melalui Rancangan Malaysia Ke-12 yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN
YAHAYA
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Datuk Mohd Hisamudin Bin Yahaya minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah pihak Kementerian ini boleh memberi jaminan bahawa apabila Kerajaan memperkenalkan 5G, iaitu teknologi sambungan tanpa wayar generasi kelima, yang merupakan lanjutan daripada 4G, warga kota tidak menghadapi masalah gangguan talian telefon (*drop call*) selepas ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa cakna dalam menangani masalah panggilan terputus (*drop call*) ini malah turut menjalankan langkah-langkah bersepadu bersama-sama dengan pihak pemberi perkhidmatan bagi menangani masalah ini. Aktiviti utama yang dijalankan di seluruh negara adalah penambahbaikan rangkaian melalui usaha peluasan rangkaian, penambahbaikan sistem dan pengoptimuman rangkaian.

Aktiviti peluasan rangkaian adalah untuk menyediakan liputan di kawasan yang tidak mempunyai liputan dan juga bagi mengurangkan kelompongan liputan (*blind spot*).

Pengoptimuman rangkaian pula adalah aktiviti berterusan yang dijalankan oleh pihak pemberi perkhidmatan dalam memastikan mutu perkhidmatan berada pada tahap yang baik. Aktiviti ini turut meliputi penalaan rangkaian di kawasan yang mempunyai liputan selular yang lemah.

Dalam masa yang terdekat, panggilan suara akan terus menggunakan rangkaian 2G atau 4G sedia ada, manakala rangkaian 5G akan memberikan tumpuan kepada penggunaan data. Pendekatan serupa diambil hampir semua negara kerana rangkaian 5G merupakan teknologi jalur lebar baharu dicipta bertujuan meningkatkan kadar kelajuan internet pengguna.

NO SOALAN: 29

Bagi menyediakan panggilan suara menerusi rangkaian 5G, ia akan menggunakan teknologi 'Voice over New Radio' (VoNR). Teknologi VoNR ini masih diperingkat percubaan. Disamping itu, bagi memanfaatkan panggilan suara menerusi rangkaian 5G, pengguna juga perlu mempunyai peranti 5G yang menyokong spesifikasi VoNR.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan warga kota tidak menghadapi masalah gangguan talian telefon (*drop call*) selepas ini, pihak Kerajaan melalui SKMM akan sentiasa memantau kualiti tahap kesambungan panggilan suara dan memastikan kualiti panggilan suara terjamin, tidak kira untuk rangkaian 2G, 4G atau 5G.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAS ADIBA BINTI
MOHD RADZI
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk turut melibatkan dan melahirkan '*startups*' dari kalangan OKU serta adakah terdapat bantuan atau program untuk '*startups*' OKU supaya tidak tercicir dalam dunia teknologi inovasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa berusaha untuk melahirkan syarikat pemula atau *startups* berasaskan teknologi dan inovasi termasuk dari kalangan golongan orang kurang upaya (OKU).

Buat masa ini, MOSTI menerusi Bahagian Dana di peringkat Kementerian, dan semua agensi pembiaya di bawahnya, **sentiasa terbuka untuk menerima permohonan daripada syarikat pemula atau *startups* dari kalangan OKU** untuk mendapatkan pembiayaan atau pelaburan bagi projek-projek berimpak tinggi yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Untuk makluman Yang Berhormat,

Sepanjang tempoh RMKe-10 hingga RMKe-12, terdapat tujuh (7) projek berasaskan teknologi dan inovasi bagi kegunaan golongan OKU **telah berjaya** mendapat dana R&D MOSTI dalam bentuk geran dengan nilai keseluruhan berjumlah 4.816 juta ringgit, iaitu:

- 1) Pembuatan dan pemuliharaan kerusi roda khusus kanak-kanak spastik secara *tailor made*
Organisasi : Persatuan Alumni Dasar Pandang ke Timur (ALEPS)
Jumlah Peruntukan : 300 ribu ringgit

NO. SOALAN : 30

- 2) *Community Empowerment for Community Empowerment for Dyslexia Through Use of Optometric Assistive Technology Aids, Interactive Website Delivery and Teacher and Parent Education Programs*

Organisasi : *Dyslexia Association of Sarawak*

Jumlah Peruntukan : 250 ribu ringgit

- 3) *Quality of Life and Psychological Disabilities among Chronic Renal Failure Patients*

Organisasi : Universiti Islam Antarabangsa (UIAM)

Jumlah Peruntukan : 119 ribu ringgit

- 4) *To Develop a Pre-Commercial Prototype of a Brain-Computer Interface (BCI) Wheelchair*

Organisasi : Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)

Jumlah Peruntukan : 2.79 juta ringgit

- 5) *Design and Development of Intelligent Two-Wheeled Wheelchair for Disabled*

Organisasi : Universiti Islam Antarabangsa (UIAM)

Jumlah Peruntukan : 174 ribu ringgit

- 6) *Development of Movement and Function Assessment Battery Kit (MFAB) for Movement Assessment Among Children with Learning Disabilities*

Organisasi : Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Jumlah Peruntukan : 165 ribu ringgit; dan

- 7) *Program: Smart Personalized Autism Collaborative Education*

System (SPACES)

Organisasi : Yayasan Inovasi Malaysia

Jumlah Peruntukan : 1 juta ringgit

Tuan Yang di-Pertua,

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) yang juga merupakan salah satu agensi di bawah MOSTI, turut membangunkan inovasi bagi kelestarian golongan OKU.

YIM juga menawarkan geran pembangunan kepada inovator Malaysia termasuk dari kalangan OKU untuk melahirkan dan membudayakan pemikiran yang inovatif dan kreatif.

Antara produk yang berjaya dihasilkan oleh golongan OKU dan telah menerima dana daripada YIM ialah:

i. **Attia Baja Organik**

Attia Baja Organik Asli merupakan produk inovasi yang diformulasi dengan teknik pembuatan dan kandungan bahan yang dapat membantu menambah kesuburan tanaman. Produk ini telah dibangunkan oleh Encik Ahmad bin Rais Mohammed Saeed yang merupakan seorang OKU anggota badan (kaki).

ii. **Kerusi Roda F1**

Kerusi roda ini dicipta oleh syarikat Orthovive Sdn. Bhd. (sebelum ini dikenali sebagai JB Prosthetic & Rehab Supply), sebuah syarikat milik Bumiputera yang membekalkan anggota palsu, ortotik dan peralatan rehabilitasi.

NO. SOALAN : 30

Syarikat ini diuruskan oleh Encik Fariz Abd Rani, yang juga merupakan seorang OKU berkerusi roda. Syarikat ini juga merupakan satu-satunya syarikat yang berupaya menghasilkan, memasang dan membekalkan kerusi roda di Kota Kinabalu, Sabah.

Kerusi roda mampu milik ini direkacipta menggunakan bahan-bahan mentah tempatan yang sangat “*cost effective*” agar ia mampu dibeli dan dimiliki oleh masyarakat tempatan. Lebih istimewa, pekerja-pekerjanya juga terdiri daripada golongan OKU.

iii. **Elektronik Brailer**

Elektronik Brailer ini merupakan mesin menaip *braille elektronik*. Ia berupaya untuk menyimpan data yang ditaip dan boleh dicetak untuk OKU penglihatan serta mudah dibawa ke mana-mana. Alatan ini dihasilkan oleh Encik Jasmadin bin Budin, seorang OKU Penglihatan melalui syarikat beliau iaitu POBIM Universal Technology Enterprise.

Alatan ini lebih maju dan berharga lebih murah dari mesin brailer manual yang ada di pasaran. Penghasilan dan pembelian Elektronik Brailer ini dijalankan oleh Persatuan Orangg-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) Kuala Lumpur, dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

iv. **Kit Pendidikan Interaktif**

Ini adalah produk inovatif iaitu kit pendidikan yang interaktif dan inovatif dengan mengaplikasikan teknologi *Augmented Reality* (AR). Produk ini dihasilkan oleh Encik Abd Hafy Shah bin Abd Halim

Sha, seorang OKU Penglihatan melalui syarikat beliau iaitu Ahs Ideas Resources (Creativa).

Produk ini boleh membantu seterusnya menyelesaikan masalah pelajar dan guru yang sukar untuk belajar dan mengajar subjek reka bentuk teknologi robotik menggunakan kaedah STEM secara berkesan dan cekap; dan

v. **Mobile Learning Platform for OKU Students**

Platform Pembelajaran Mudah Alih oleh syarikat DID MY iLEARN Ace merupakan sebuah produk mesra pengguna untuk OKU Penglihatan yang dicipta oleh seorang OKU Penglihatan iaitu Encik Stevens Chan Kum Fai. Ini merupakan platform pembelajaran jarak jauh untuk menambahbaik akademik pelajar (tahun 4 hingga tingkatan 5) yang menghadapi masalah cacat penglihatan.

Kandungan pendidikan yang ditawarkan adalah 100% mengikut sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD ZAHID BIN MD
ARIP
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) anggaran masa dalam melaksanakan Transformasi Parlimen sebagaimana usul yang telah diluluskan secara sebulat suara di Dewan Negara dapat dilaksanakan; dan
- (b) apakah butiran ke atas Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa 1952 dan akta baru yang akan menggantikan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang dimansuhkan pada 1992.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, merujuk kepada usul yang telah dibangkitkan.

1. Meminda dan memperkasakan Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952:
 - a. Kajian bagi memperkasa Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 telah pun dimulakan dan ia pernah dipinda pada tahun 1988. Walau bagaimanapun bagi memenuhi kehendak semasa dan memastikan Parlimen ini dapat berdiri dengan sendirinya, mempunyai dan menjalankan kuasanya sendiri, serta mengawal selia kewangannya sendiri dapat dilaksanakan, ianya akan mengambil masa sedikit.
 - b. Akta ini akan turut ditambah baik dengan memasukkan klausanya ke dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat sedia ada.
 - c. Pengenalan Kod Etika Ahli Parlimen juga masih dalam pertimbangan untuk dikuatkuasakan dibawah Akta ini dengan

memberi kuasa kepada Majlis untuk mengenakan tindakan ke atas mana-mana Ahli yang melanggarnya. Pengenalan Kod Etika Ahli Parlimen juga memerlukan masa yang munasabah sebelum dikuatkuasakan serta memerlukan sesi libat urus bersama pihak-pihak berkaitan demi memastikan ia dapat dilaksanakan dengan sebaiknya serta memberi manfaat kepada semua pihak.

- d. Pandangan Yang Berhormat Senator untuk memastikan Ahli Parlimen (Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat) yang sedang dalam proses pendakwaan di mahkamah direhatkan dari menghadiri mana-mana sesi persidangan Dewan sehinggalah mereka terbukti tidak bersalah juga sedang dalam pertimbangan dan kajian pihak kerajaan dan pastinya sesi libat urus hendaklah diadakan bersama pihak-pihak yang terlibat seperti Ahli Parlimen melalui Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas yang dibentuk Parlimen dan pihak Peguam Negara serta para akademik serta pakar undang-undang dirujuk bagi mendapatkan formasi terbaik bagi memantapkan Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) yang amat penting kepada semua Ahli Parlimen.

2. Mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang dimansuhkan pada tahun 1992:

- a. Kerajaan sedang dalam kajian bagi draf Rang Undang-undang yang baharu untuk mewujudkan Akta Perkhidmatan Parlimen. Pastinya Akta yang baharu ini mengambil kira

banyak faktor yang memberi manfaat secara menyeluruh kepada pegawai perkhidmatan Parlimen serta pegawai-pegawai gunasama yang pada masa ini masih dalam peringkat perbincangan.

- b. Cadangan penambahbaikan khusus menyentuh antaranya tangga gaji, potensi kemajuan kerjaya serta kemudahan-kemudahan lain serta saraan pegawai Parlimen dan pemerksaan Jawatankuasa Penasihat yang berperanan mengawal selia pengurusan dan pentadbiran Parlimen akan dikaji dengan teliti agar mereka mendapat faedah yang tidak kurang baiknya daripada yang sedang diterima mereka sekarang.
- c. Pelaksanaan atau garis masa Rang Undang-undang ini djangka memakan lebih masa kerana ia turut melibatkan beberapa Pindaan lain terhadap undang-undang sedia ada termasuklah Pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan.
- d. Antara pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan yang perlu dibuat untuk memperkenalkan Akta Perkhidmatan Parlimen baharu adalah kepada Perkara 65 dan termasuk Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan bagi mewujudkan Skim Perkhidmatan Parlimen yang berasingan daripada Skim Perkhidmatan Awam Am Persekutuan. Antara cadangan pindaan:
 - i. Perkhidmatan Parlimen akan dimasukkan sebagai suatu perkhidmatan awam di bawah Perkara 132

Perlembagaan Persekutuan (Perkara 132 wajar dipinda).

- ii. Perkhidmatan Parlimen adalah perkhidmatan awam yang berasingan selain daripada Perkhidmatan Awam Am Persekutuan. (Rujuk Perkara 132 (1) Perlembagaan Persekutuan).
- iii. Pindaan kepada Perkara 65 Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan mana-mana orang yang difikirkan layak dilantik sebagai Setiausaha Dewan Rakyat dan Setiausaha Dewan Negara seperti peruntukan asal. (Perkara 65 Perlembagaan Persekutuan wajar dipinda).
- iv. Ketua Perkhidmatan Parlimen adalah Ketua Setiausaha Perkhidmatan Parlimen yang akan dilantik oleh Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan Yang Di-Pertua Dewan Negara / Yang Di-Pertua Dewan Rakyat secara bersesama dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA).
- e. Merujuk kepada Memorandum Persefahaman Transformasi Dan Kestabilan Politik yang telah ditandatangani pada 13 September 2021 yang antara lain menggariskan langkah-langkah transformasi dan pembaharuan dalam tatakelola pentadbiran kerajaan khususnya memperkasa peranan institusi Parlimen, **Kerajaan berhasrat untuk**

merealisasikan perkara ini tidak lewat daripada Mesyuarat Kedua Penggal Kelima, Parlimen Keempat Belas.

3. Pembentukan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas – termasuk memperkenalkan Kod Etika Ahli Parlimen:
 - a. Majlis Dewan Negara telah pun meluluskan Penyata Jawatankuasa Dewan, Dewan Negara pada 25 Oktober 2021 bagi membentuk 3 Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Negara iaitu Jawatankuasa Pilihan Khas Kesejahteraan Rakyat, Jawatankuasa Pilihan Khas Sosiobudaya, Komunikasi dan Pendidikan serta Jawatankuasa Pilihan Khas Tadbir Urus, Integriti dan Anti-Rasuah.
 - b. Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas ini berkuasa untuk memanggil orang dihadapannya seperti mana yang termaktub di dalam Peraturan Mesyuarat 74, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.
 - c. Maka, dengan wujudnya Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas ini akan menjadi titik tolak kepada pemeraksanaan sistem Jawatankuasa Pilihan Khas di Dewan Negara.
 - d. Kerajaan mengalu-alukan kerjasama erat bersama Jawatankuasa Pilihan Khas yang dibentuk agar proses legislatif Negara ini dapat direalisasikan dengan mendasari

prinsip pengasingan kuasa ke arah menjadikan Parlimen Malaysia bertaraf dunia.

4. Membuat Pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan Perkara 45 (4) (a) dan (b):
 - a. Perkara ini dalam timbangan dan kajian Kerajaan khususnya dalam usaha memperkasakan Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 akan melibatkan klausa ini di dalam Pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan ambil maklum dan sedar akan peruntukan ini.

5. Inisiatif meningkatkan perwakilan wanita dalam Dewan Parlimen:
 - a. Pada masa ini sebanyak 14.8 peratus keanggotaan Dewan terdiri daripada kalangan wanita. Kerajaan mengambil maklum akan cadangan ini dan akan memastikan pemilihan Ahli Dewan Negara dibuat penelitian sewajarnya.

6. Cadangan mewujudkan Akta Anti-Lompat Parti:
 - a. Cadangan untuk mewujudkan suatu peruntukan undang-undang berkaitan anti lompat parti merupakan salah satu agenda transformasi kerajaan bertujuan memastikan reformasi dan pembaharuan dalam sistem pentadbiran Kerajaan khususnya peranan institusi Parlimen dapat terus diperkasakan. Dalam hal ini, kerajaan amat komited untuk

memastikan undang-undang berkaitan anti-lompat parti yang akan digubal dapat melindungi hak rakyat Negara ini yang telah memberi undi serta kepercayaan tinggi kepada Ahli Politik ketika proses pilihan raya.

- b. Selaras dengan perkara ini dan mengambil kira kewajaran pembentangan dapat dilaksanakan secepat mungkin, Kerajaan akan memastikan sesi libat urus yang holistik dan menyeluruh diadakan bersama pemegang taruh, pihak berkepentingan, badan bukan kerajaan, ahli Parlimen, serta rakyat agar RUU baharu dapat diperkenal dan mendapat sokongan semua pihak.
- c. Sesi libat urus ini juga akan memastikan parameter atau hala tuju gubalan undang-undang ini dapat ditetapkan serta tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan atau undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa termasuk di peringkat negeri.
- d. Pasa masa ini, kerajaan sedang mengkaji undang-undang yang digunakan di peringkat negeri termasuk kes Mahkamah yang berlaku di beberapa negeri melibatkan pelaksanaan perundangan berkaitan lompat parti. Kerajaan turut meneliti model perundangan beberapa buah Negara seperti India, Singapura dan New Zealand serta United Kingdom yang melibatkan peruntukan lompat parti. Dapatan daripada kajian ini akan dibincangkan melalui sesi libat urus bi-partisan.

NO SOALAN: 31

- e. Kerajaan akan terus komited dalam memastikan Keluarga Malaysia yang digagaskan dapat mengambil kira semua kepentingan rakyat dan Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK WIRA KOH NAI KWONG
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan punca dan sebab terdapat banyak bantuan kebajikan masyarakat telah dibatalkan pada kebelakangan ini sedangkan kedudukan penerima bantuan yang berkaitan masih berada dalam status miskin yang memerlukan bantuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM2.0 bilion yang memberi manfaat kepada 515,581 penerima bantuan diseluruh negara sehingga Oktober 2021.

Konsep pemberian bantuan kebajikan adalah berdasarkan **kelayakan dan bukan hak**. Setiap kelulusan bantuan akan **dibuat kaji semula 3 bulan sebelum tempoh bantuan pada setiap tahun**. Proses ini bertujuan bagi **menilai status kelayakan penerima yang terkini dan seterusnya menentukan sama ada bantuan masih sesuai diteruskan ataupun tidak bagi tempoh selanjutnya**. Walaubagaimanapun sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), JKM melaksanakan inisiatif mempermudah proses kaji semula bagi memastikan kebajikan penerima bantuan terus terpelihara.

Berdasarkan statistik JKM, **penamatan bantuan seluruh negara sehingga Oktober 2021 adalah seramai 38,738 penerima** dan ditamatkan atas faktor-faktor tertentu. Antaranya adalah disebabkan **kematian kes sebanyak 19,099 kes (49.3%)**, penerima telah menerima bantuan dari agensi lain seperti PERKESO, Zakat dan lain-lain sebanyak **7,269 (18.7%)** dan penerima telah melepasi syarat kelayakan mendapatkan bantuan JKM sebanyak **3,410 kes (9.2%)**.

NO SOALAN: 32

Walau bagaimanapun dalam masa yang sama, JKM juga telah meluluskan sebanyak **52,050 kes baharu** bagi tahun 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan perancangan Kementerian untuk membantu membangunkan semula usahawan mikro yang gulung tikar akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) komited dalam membantu usahawan mikro yang telah gulung tikar kesan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan dan Pergerakan (PKP).
2. Bagi tujuan tersebut, MEDAC telah menyediakan bantuan bagi memulihkan usahawan mikro yang telah gulung tikar melalui skim pembiayaan di bawah Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro 2.0 (CBRM 2.0) TEKUN yang menyediakan pembiayaan sehingga RM20,000.
3. MEDAC juga telah mengambil ketetapan supaya proses permohonan pembiayaan bagi dana Kerajaan di bawah agensi MEDAC tidak akan mengambil kira penilaian CTOS dan CCRIS dalam tempoh pemulihan pasca pandemik ini. Tempoh kelulusan pembiayaan termasuk proses penyaluran juga disegerakan dan kriteria permohonan dipermudahkan.
4. Selain itu, MEDAC melalui Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) turut menyediakan pelbagai program latihan kepada usahawan termasuk perusahaan mikro melalui program-program seperti INSKEN Business Training (IBT), INSKEN Masterclass, Online Onboarding Coaching Programme (E-Board) dan INSKEN Bumiputera Business Coaching (IBBC).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN RITA SARIMAH ANAK
PATRICK INSOL
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Pusat Komuniti Desa di daerah-daerah miskin di Sarawak untuk memangkinkan pembangunan setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang Kementerian belum mempunyai sebarang rancangan untuk menambah bilangan Pusat Komuniti Desa (PKD) di seluruh negara. Tumpuan pada masa ini ialah untuk memperkasa peranan 191 PKD sedia ada melalui projek Pamerkasaan PKD di bawah Peruntukan Pembangunan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) berjumlah RM20 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN LIM HUI YING
TARIKH : 22 DISEMBER 2021**

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan dan tindakan Kementerian dalam mencegah keganasan rumah tangga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan menyatakan komitmen dalam menangani krisis keganasan rumahtangga yang berlaku dalam masyarakat kini.

Berdasarkan data yang dikongsikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) **punca utama keganasan rumah tangga** adalah **berpunca dari sikap panas baran, perselisihan faham dan ketagihan dadah**. Keadaan menjadi **bertambah parah** apabila di tambah **dengan masalah kewangan dan keadaan rumah yang kurang kondusif**. Selain itu, antara punca-punca yang dikenal pasti berlakunya keganasan rumah tangga adalah seperti berikut:

**JADUAL 1: KES KEGANASAN RUMAH TANGGA MENGIKUT
SEBAB-SEBAB BERLAKU DAN JANTINA TAHUN 2021**

Bil.	Sebab-sebab Berlaku	2021		Jumlah
		L	P	
1.	Panas Baran	18	235	253
2.	Perselisihan faham	7	133	140
3.	Penagih dadah	8	93	101
4.	Masalah kewangan	3	90	93
5.	Cemburu	3	49	52
6.	Pemabuk	3	33	36
7.	Campur tangan pihak ketiga	2	31	33
8.	Isteri mohon cerai	1	42	43
9.	Mempunyai perhubungan di luar nikah	3	12	15
10.	Campur tangan mertua	1	17	18
11.	Mengalami tekanan jiwa	1	19	20
12.	Kaki judi	2	7	9
13.	Melakukan hubungan secara paksa	1	8	9
14.	Kehilangan pekerjaan	0	30	30
15.	Perebutan hak penjagaan anak	0	7	7
16.	Perbalahan kerana anak	0	3	3
17.	Pesakit Mental	1	15	16
18.	Menganggur	1	8	9
19.	Berkahwin lain/semula	1	2	3
20.	Poligami	0	5	5
21.	Masalah kelamin	0	5	5
22.	Menghadapi tekanan di tempat kerja	0	11	11
23.	Perebutan harta	0	1	1
24.	Sumbang Mahram	0	5	5
25.	Lain-lain (i) Sering tukar kerja (ii) Pemerasan Wang (iii) Tidak memberikan nafkah	1	26	27
Jumlah		57	887	944

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil tindakan di bawah **Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]**. Menerusi akta ini, Kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga.

Antara inisiatif / intervensi sedia ada yang telah dilaksanakan oleh KPWKM bagi membantu mangsa keganasan rumah tangga ialah:

1) **Skwad Waja**

- a. Ditubuhkan bertujuan untuk membantu memberi panduan kepada masyarakat tentang pentingnya usaha menghentikan sebarang bentuk keganasan terhadap wanita serta membantu mangsa untuk merujuk kes kepada pihak yang berwajib dan mendapatkan pertolongan profesional.
- b. **Keahlian** (Januari hingga 16 Disember 2021): **106,643 orang (Lelaki: 8,617 dan Perempuan: 98,026)**

2) **Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS)**

- a. PSSS merupakan pusat rujukan khusus yang disediakan kepada kumpulan sasar KPWKM seperti wanita, kanak-kanak, keluarga, warga emas dan OKU untuk mendapatkan perkhidmatan sosial Kementerian yang holistik di satu tempat dan menekankan kepada pendekatan *whole of society* dan *whole of government*.

- b. Sehingga kini, sebanyak 4 unit PSSS bergerak (mobile) telah memulakan operasi di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya dan sebuah premis PSSS secara tetap di Kuala Lumpur.

3) Khidmat Aduan Atas Talian

- a. Talian Kasih 15999;
- b. Aplikasi WhatsApp di nombor 019-26 15999.
- c. Perkhidmatan ini beroperasi 24 jam setiap hari sebagai *single point of contact* kepada semua masyarakat bagi mengemukakan aduan, mendapatkan khidmat nasihat serta mengakses bantuan dan sokongan yang disediakan oleh KPWKM berkaitan **keganasan rumah tangga** termasuk perkhidmatan psiko-sosial.

4) Penyediaan Tempat Selamat / Tempat Berlindung / Rumah Perlindungan bagi mangsa keganasan rumah tangga:

- a. **Tempat Selamat**
 - i. **42 buah Tempat Selamat** yang diluluskan oleh Menteri bawah Akta 521 di seluruh negara iaitu
 - **35** dikendalikan oleh Kerajaan (JKM); dan
 - **7** dikendalikan oleh NGO.
- b. **Tempat Berlindung**
 - i. **2 buah Tempat Berlindung** iaitu di **Kelantan dan Sabah** (RPW Kota Bharu dan RPW Kota Kinabalu); dan
 - ii. Diselia oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW);
- c. **Masjid sebagai Pusat Transit Keganasan Rumah Tangga di masjid;**

- i. **Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)** dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
 - ii. **2 buah masjid sebagai perintis pusat transit KRT iaitu Masjid Wilayah Persekutuan dan Masjid Al Ghufuran Taman Tun Dr. Ismail; dan**
 - iii. **12 buah masjid sebagai pusat aduan.**
- d. Mendapatkan **kelulusan pengecualian bayaran ujian pengesanan (swab-test) COVID-19** dari Kementerian Kesihatan Malaysia bagi kemasukan ke **Tempat Selamat** yang diluluskan oleh Menteri di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga [Akta 521] dan Tempat Berlindung di bawah kendalian Jabatan Pembangunan Wanita;

5) Talian Toll Free LPPKN

- a. Tol Free Helpline FamilyCare @ LPPKN **1-800-82-0300**.
- b. Menyediakan Perkhidmatan Tele-Kaunseling dan E-Kaunseling secara dalam talian

6) Menyediakan perkhidmatan kaunseling / tele-kaunseling yang dikendalikan oleh kaunselor di daerah dan negeri.

7) Melaksanakan Hebahan dan Program Advokasi

- a. **Program jerayawara – 34 jerayawara** telah dilaksanakan di peringkat negeri atau daerah bagi memberi kesedaran dan advokasi kepada masyarakat sama ada ia dilaksanakan oleh JKM atau kerjasama dengan agensi lain.

- b. Hebahan dan program advokasi berkaitan keganasan rumah tangga telah dilipatgandakan **melalui media sosial, media elektronik, media cetak, LED Billboard** yang antaranya infografik berkaitan tafsiran, jenis keganasan rumah tangga, kumpulan yang dilindungi dan perkhidmatan yang disediakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.
- 8) **Merujuk mangsa untuk bantuan sokongan di JKM seperti bantuan** kewangan dan kelulusan adalah tertakluk kepada kelayakan dan syarat bantuan contohnya Tabung Bantuan Segera, Bantuan Kanak-Kanak dan Bantuan Bakul Prihatin. Rujukan termasuk ke agensi lain yang berkaitan;
- 9) **Akta Keganasan Rumah Tangga 1994**
- a. **Mengeluarkan Perintah Perlindungan Kecemasan/ *Emergency Protection Order* (EPO)**, Seksyen 3A Akta 521;
 - b. **Membantu mendapatkan Perintah Perlindungan Interim / *Interim Protection Order* (IPO)**, Seksyen 4 Akta 521 daripada Mahkamah;
 - c. Membantu mendapatkan **Perintah Perlindungan *Protection Order* (PO)**, Seksyen 5 Akta 521 daripada Mahkamah;
- 10) **Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga**
- a. Ditubuhkan pada tahun 2019 merupakan *platform* bagi menyelaraskan perkara dan isu berkaitan keganasan rumah tangga;
 - b. Jawatankuasa ini dianggotai oleh agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan; dan
 - c. Urus setia – Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS), KPWKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATO' ISA BIN AB. HAMID
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

DATO' ISA BIN AB. HAMID minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan Jumlah usahawan Orang Asli yang terlibat dalam penghasilan kraftangan anyaman dan sokongan yang diberikan oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) sentiasa memberi perhatian dan sokongan terhadap penglibatan usahawan Orang Asli dalam penghasilan produk kraf.

2. Kraftangan Malaysia turut melaksanakan usaha untuk memperkasa dan mempromosikan kraf tangan Komuniti Orang Asli dalam menghasilkan produk berteraskan eko-pelancongan. Selain dapat mengetengahkan produk kraf kepada masyarakat umum, usaha ini juga sekaligus mampu meningkatkan kualiti hidup, mewujudkan peluang pekerjaan dan menjana ekonomi usahawan kraf dari kalangan masyarakat Orang Asli.

3. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sehingga 31 Oktober 2021, terdapat seramai 41 orang usahawan kraf Orang Asli yang berdaftar dengan bilangan tenaga kerja seramai 78 orang. Pada tahun ini, sehingga 31 Oktober 2021, nilai jualan yang dijana oleh pengusaha ini adalah sebanyak RM149,000. Daripada jumlah tersebut, seramai 12 orang merupakan usahawan anyaman dengan bilangan tenaga kerja seramai 26 orang dan memperoleh jualan sebanyak hampir RM50,000.

4. Kraftangan Malaysia secara berterusan mendayaupayakan usaha untuk melatih dan memperkasakan usahawan Orang Asli dalam pengeluaran hasil seni kraf melalui program pembangunan produk, pembangunan kemahiran teknikal dan keusahawanan serta pemasaran kraf. Usahawan Orang Asli diberi bimbingan dari aspek pembangunan rekaan baharu, penggunaan teknik dan bahan baharu dalam penghasilan produk berdasarkan trend dan warna terkini bagi memastikan produk yang dihasilkan menepati kehendak pasaran.

5. Kraftangan Malaysia turut memberi bimbingan dari aspek pengeluaran produk dengan memberi fokus kepada peningkatan kemahiran teknikal untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran dan kualiti produk. Usahawan Orang Asli juga dibekalkan dengan kemahiran *softskills* dari segi komunikasi, pemasaran dalam talian, costing dan kewangan agar mereka dapat menjadi usahawan yang berdaya maju, berdaya saing dan kompetitif.

6. Kemahiran usahawan Orang Asli juga diperkasakan daripada aspek pemasaran dengan menyediakan peluang penyertaan di dalam program promosi jualan secara fizikal anjuran Kraftangan Malaysia seperti Hari Kraf Kebangsaan, Festival Kraf Johor dan promosi di pusat beli-belah. Usahawan Orang Asli turut diberi bimbingan dari aspek pemasaran dalam talian dengan mendedahkan mereka mengenai cara membina laman (*page*) perniagaan, pemasaran di internet dan media sosial, penghasilan video & fotografi, penulisan naskhah iklan (*copywriting*), pengendalian stok serta pengurusan perniagaan dalam talian.

7. Bimbingan ini dilaksanakan bagi membolehkan usahawan kraf memasarkan produk melalui platform MYCRAFTSHOPPE yang dibangunkan oleh Kraftangan Malaysia. Platform ini merupakan platform jual beli digital yang khusus memasarkan produk kraf Malaysia di samping menawarkan maklumat berkaitan industri kraf seperti senarai pembekal bahan mentah, rekaan produk, penyedia perkhidmatan berkaitan kraf serta informasi tentang kraf tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Datuk Mohan A/L Thangarasu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tahap ketersediaan sektor kesihatan negara terutamanya dari segi kapasiti fasiliti dan tenaga kerja untuk menghadapi (jika terjadi) satu lagi gelombang penularan wabak COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sehingga 20 Disember 2021, terdapat 125 hospital KKM yang dikhususkan untuk merawat COVID-19, iaitu 12 hospital berstatus *full- COVID-19* dan 113 hospital berstatus *hybrid* dengan kapasiti katil sebanyak 12,939 katil bukan ICU (kadar penggunaan sebanyak 30%) dan 1,073 katil ICU (kadar penggunaan sebanyak 36%). Manakala, terdapat 76 buah Pusat Kuarantin & Rawatan COVID-19 (PKRC) di seluruh Malaysia dengan kapasiti katil sebanyak 18,496 dan kadar penggunaan adalah sebanyak 30%.

2. KKM akan sentiasa memastikan fasiliti kesihatan berada dalam keadaan bersedia untuk menghadapi sebarang lonjakan kes COVID-19. KKM telah menyediakan satu Pelan Kesiapsiagaan Pandemik KKM yang menggariskan empat teras utama bagi memastikan kesiapsiagaan perkhidmatan hospital berada pada tahap optima merangkumi:
 - (i) Kecukupan akses
 - (ii) Kelestarian rawatan
 - (iii) Pengurusan pra-hospital dan kecemasan
 - (iv) Pencegahan jangkitan nasokomial COVID-19

3. Bagi menangani peningkatan kes-kes COVID-19 yang meningkat, KKM juga telah melaksanakan beberapa langkah bagi memastikan kapasiti rawatan berada pada tahap optimum. Antara langkah-langkah tersebut adalah:

- (i) **Pengubahsuaian ruangan tertentu** (*repurpose area*) di dalam dan di luar bangunan hospital untuk dijadikan wad dan ICU sementara termasuk pembinaan hospital medan, ICU Medan, modular ICU dan penggunaan ICU di hospital swasta.
- (ii) Dua belas (12) modular ICU telah disediakan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Hospital Melaka, Hospital Sultanah Aminah, Hospital Tuanku Jaafar, Hospital Kepala Batas I, Hospital Kepala Batas II, Hospital Sultan Abdul Halim, Hospital Sultanah Bahiyah, Hospital Sultanah Nur Zahirah, Hospital Sibul, Hospital Tawau dan Hospital Selayang. KKM juga telah menambah empat (3) lagi modular ICU iaitu di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Hospital Sarikei dan Hospital Bintulu di mana pembekalan dan pembinaan sedang dijalankan.
- (iii) Bagi mengatasi bilangan pesakit yang menunggu di Jabatan Kecemasan dan Trauma, katil-katil tambahan juga diwujudkan menggunakan ruang sedia ada dan mewujudkan **khemah atau struktur tambahan serta** mewujudkan **katil-katil tambahan** (seperti katil kanvas) dengan mengoptimumkan lain-lain ruang yang bersesuaian di dalam hospital seperti yang dilakukan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Hospital Selayang, Hospital Putrajaya, Hospital Serdang, HKL dan Hospital Pakar Kanak-kanak UKM.

- (iv) Bagi meningkatkan kapasiti hospital dalam memberikan rawatan oksigen kepada pesakit, tangki *vacuum insulated evaporator* (VIE) untuk bekalan oksigen tambahan telah disediakan di beberapa hospital KKM. Silinder oksigen juga akan dibekalkan kepada hospital bagi menampung keperluan buat masa ini.
- (v) Selain daripada penyediaan fasiliti, peralatan-peralatan perubatan seperti katil pesakit, katil ICU, ventilator, patient monitor dan sebagainya turut dipertingkatkan bagi memperkukuhkan keupayaan dan sebagai kesiapsiagaan dalam menangani pandemik COVID-19.
- (vi) Kerjasama antara **Angkatan Tentera Malaysia** di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia turut terlibat dalam meningkatkan kapasiti perkhidmatan kesihatan dengan mewujudkan hospital medan di beberapa negeri yang mempunyai kes COVID-19 yang tinggi. Sehingga kini terdapat 11 hospital medan dan ICU medan angkatan tentera yang telah dibangunkan (seperti di lampiran).
- (vii) **Hospital Pengajar Universiti (HPU)** di bawah Kementerian Pengajian Tinggi seperti Hospital Canselor Tunku Mukhriz, Pusat Perubatan Universiti Malaya, Hospital Universiti Sains Malaysia, Hospital UiTM dan Hospital Pengajar UPM turut sama dan bersedia dalam memberikan rawatan kepada pesakit COVID-19.
- (viii) Kerjasama sektor swasta turut dilibatkan melalui **penyumber luaran** (*outsourcing*) perkhidmatan perubatan bagi

mengurangkan masa menunggu pesakit yang perlu menjalani pembedahan atau prosedur kritikal (*urgent/semi-urgent*) seperti perawatan jantung dan kanser. Penyumberluaran juga secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan kapasiti hospital-hospital KKM bagi merawat pesakit-pesakit COVID-19. Sehingga 30 November 2021, sebanyak 40 hospital kerajaan dan 83 buah hospital swasta terlibat di dalam perkhidmatan penyumberluaran di seluruh negara, yang mana 17,784 pembedahan dan prosedur perubatan telah berjaya dilaksanakan. Pihak Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM202 juta bagi membiayai pelaksanaan inisiatif penyumberluaran ini.

- (ix) Kerjasama bersama pihak NGO seperti MERCY Malaysia dalam menyediakan beberapa hospital medan di Selangor, Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Labuan juga telah dijalankan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM
BIN KHIRUDIN
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam Bin Khirudin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan insentif yang diberikan oleh pihak Kerajaan kepada ibu bapa yang membesarkan anak-anak OKU.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan program berbentuk sokongan, pemulihan dan pembelajaran kanak-kanak Orang Kurang Upaya (OKU) melalui Program **Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) atau *Community Based Rehabilitation Programme (CBR)***.

Program ini merupakan satu strategi dalam **pembangunan komuniti untuk rehabilitasi, penyamaan peluang dan integrasi sosial bagi OKU**. Penempatan di PDK yang ditubuhkan **di peringkat komuniti** adalah terbuka kepada semua OKU warganegara Malaysia yang berdaftar dengan JKJ yang memerlukan pemulihan dan latihan tanpa mengira kategori ketidakupayaan, had umur, jantina, kaum dan agama. Sehingga **November 2021, bilangan PDK yang ditubuhkan di seluruh negara adalah sebanyak 569 buah dengan bilangan pelatih seramai 18,718 orang**.

Program PDK merupakan **alternatif kepada penempatan OKU ke institusi pemulihan kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pertubuhan Sukarela Kebajikan atau swasta** dan merupakan pusat pemulihan sebelum mereka ditempatkan ke sekolah pendidikan khas di bawah kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia. Ibu bapa atau penjaga OKU dan komuniti setempat memainkan peranan penting dalam mengerakkan program ini dengan disokong oleh **perkhidmatan**

kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial serta menggunakan sumber-sumber tempatan.

Pelatih PDK bukan sahaja mendapat manfaat dari segi pemulihan, pembelajaran dan latihan bahkan **mereka layak menerima insentif melalui Elaun Khas OKU sebanyak RM150.00** sebulan iaitu bagi yang menghadiri/ mengikuti program PDK sekurang-kurangnya lapan (8) hari dalam sebulan.

Selain daripada Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), kanak-kanak OKU turut disantuni oleh **Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) atau Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang berdaftar dengan JKM. Sehingga November 2021 sebanyak 86 buah PSK untuk kanak-kanak OKU telah ditubuhkan dan memberi fokus kepada penjagaan dan pengendalian sokongan pembelajaran kanak-kanak OKU.**

Jabatan Kebajikan Masyarakat juga mewujudkan **TASKA OKU sebagai langkah penyediaan intervensi awal kepada kanak-kanak OKU melalui Pertubuhan Sukarela Kebajikan.** Ini merupakan salah satu insentif yang disediakan oleh Kerajaan **kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak OKU supaya intervensi awal terhadap kanak-kanak OKU boleh membantu proses perkembangan kanak-kanak berlaku secara kondusif.**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga turut **menyediakan bantuan kewangan kebajikan untuk meringankan beban kumpulan sasar buat sementara waktu** sehingga mereka mampu untuk keluar daripada kepompong kemiskinan dan ke arah hidup berdikari.

Bantuan kebajikan yang diberikan **bukan untuk menampung kos sara hidup** sepenuhnya, sebaliknya ia adalah untuk **membantu meringankan beban kewangan** yang dialami oleh kumpulan sasar untuk hidup yang lebih selesa dan sempurna.

Bagi membantu ibu bapa yang mempunyai anak OKU, JKM mempunyai skim **Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPT)**. Bantuan tersebut diberikan kepada penjaga pada kadar **RM500.00 sebulan** mengikut syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan. Berdasarkan statistik JKM sehingga Oktober 2021, seramai **25,775 penerima Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPT)** telah mendapat manfaat dan sebanyak **RM134 juta** peruntukan telah disalurkan kepada penerima yang layak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO ZAIEDI HAJI SUHAILI
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Dato Zaiedi Haji Suhaili minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah usaha TERAJU untuk meneroka usaha lebih giat bagi melahirkan usahawan yang berdaya saing di peringkat global bagi mahasiswa dan lepasan kemahiran Bumiputera Sarawak.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Usaha bagi memperkasa usahawan Bumiputera di Sarawak sentiasa menjadi salah satu fokus utama Kerajaan dalam agenda pemerikasaan ekonomi dan sosioekonomi Bumiputera di negara ini. Sejak tahun 2011 hingga kini, Kerajaan melalui TERAJU telah memperuntukkan serta meluluskan sebanyak RM258.24 juta kepada usahawan dan perniagaan di Sarawak melalui pelbagai inisiatif dan program yang dijalankan oleh TERAJU seperti Dana Kemakmuran Bumiputera (DKB), Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB) dan juga Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB).
2. Bagi meneruskan usaha pemerikasaan ekonomi dan sosioekonomi Bumiputera secara inklusif bagi tempoh 10 tahun akan datang, Kerajaan telah melancarkan Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) pada 6 Disember 2021. TPB2030 menggariskan strategi jelas melalui program pembangunan dan inisiatif yang diselaraskan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) serta didukung oleh RMKe-12 yang terangkum dalam konteks Keluarga Malaysia.

3. TPB2030 dirangka bagi memperkukuh, mempersiapkan dan melestarikan usahawan Bumiputera bukan sahaja di Sarawak malah di seluruh negara dengan kemahiran dan pemikiran yang diperlukan untuk kekal berdaya saing dan berjaya di peringkat domestik, serantau dan global. Di samping itu juga, penekanan akan diberikan bagi meningkatkan penyertaan syarikat Bumiputera di dalam rantaian nilai global (*Global Value Chain*) berorientasikan eksport produk bernilai tambah tinggi. Produk-produk keluaran Sarawak di bawah program DPUB seperti Madu Kelulut, Lada, dan Gula Apong telahpun dipasarkan di pasaran global seperti Amerika Syarikat, Arab Saudi, Jepun dan Taiwan.

4. TPB2030 yang dibangunkan berpaksikan kepada tujuh (7) Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA), tiga (3) Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETA) akan disokong oleh tujuh (7) Bidang Keutamaan (PA) yang dipilih daripada RMKe-12 yang mana ianya turut merangkumi Bidang Keutamaan seperti:
 - a) PA3 : Memperkukuh Pendidikan & Memperkasa Modal Insan;
 - b) PA4 : Meningkatkan Daya Tahan & Kemampuan Perniagaan Bumiputera; dan
 - c) PA5 : Meningkatkan Penciptaan Kekayaan Bumiputera

5. Kesemua inisiatif dan program intervensi strategik yang akan dirangka dan dibangunkan berlandaskan Bidang Keutamaan seperti yang dinyatakan ini akan dilaksanakan secara inklusif bagi melahirkan lebih ramai usahawan dari kalangan mahasiswa dan lepasan kemahiran Bumiputera bukan sahaja di Sarawak malah di seluruh negara. Di Sarawak, satu projek khas bagi memperkasa

NO SOALAN: 39

usahawan di dalam sektor Ekonomi Digital di bawah program DPUB telahpun dimulakan diantara TERAJU dan Sarawak Digital Economy Corporation (SDEC) iaitu projek *Borneo Startup Accelerator* yang mensasarkan golongan mahasiswa dan graduan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN
MOHAMAD
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** supaya menyatakan jumlah peruntukan Kementerian bagi pelancongan negeri Kelantan tahun 2021 dan 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah memperuntukkan sebanyak RM5.02 juta bagi melaksanakan tiga (3) buah projek pembangunan kemudahan pelancongan dan kebudayaan di Negeri Kelantan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Projek-projek yang dimaksudkan adalah:

- (i) Baik Pulih Bumbung dan Kerja-Kerja Berkaitan di Kompleks Kebudayaan & Kesenian Negeri Kelantan;
- (ii) Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Kawasan Pantai Geting, Tumpat; dan
- (iii) Pembinaan Dewan Pagar Orang Ramai Homestay Pantai Suri.

2. MOTAC turut memperuntukkan RM1.4juta di bawah *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) pada tahun 2021 bagi membiayai 4 projek pembangunan dan penyelenggaraan baharu di Negeri Kelantan iaitu:

- (i) Peningkatan Kemudahan Pelancongan Pantai Bisikan Bayu, Pasir Puteh;
- (ii) Membaikpulih Struktur Bangunan serta Penyelenggaraan Kemudahan Istana Jahar, Kota Bharu;

- (iii) Membaikpulih Struktur Tangga Luar Bangunan serta Penyelenggaraan Kemudahan Lanskap Muzium Perang (Bank Kerapu), Kota Bharu; dan
- (iv) Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan Taman Eko Rimba Bukit Bakar, Machang.

3. Selain itu, sebanyak RM1.45juta lagi diperuntukkan di bawah Bajet Mengurus MOTAC bagi melaksana 21 buah projek penyelenggaraan baharu di Negeri Kelantan sepanjang tempoh 2020 hingga 2021. Antara projek-projek yang terlibat ialah:

- (i) Menaiktaraf Laluan Pejalan Kaki di Zon Bebas Cukai Rantau Panjang;
- (ii) Menaiktaraf Kemudahan Awam di Kompleks Gua Ikan, Dabong;
- (iii) Menaiktaraf dan Menyenggara Denai Hutan di Taman Eko-Rimba Jeram Linang;
- (iv) Kerja-kkerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Kemudahan Pelancong di Taman Negara Kelantan Kuala Koh, Gua Musang;
- (v) Membina Mercu Tanda Bandar Baru Tunjung dan Kerja-kkerja Pengindahan di Dataran Hadapan Auto City, Tunjung; dan
- (vi) Membekal dan Memasang *Hand Railing* di Anjung Warisan, Kok Lanas.

4. Dalam hal ini juga, MOTAC telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan *East Coast Economic Region Development Council (ECERDC)*, sebuah Badan Berkanun di bawah Jabatan Perdana Menteri, bagi melaksanakan Projek Pembangunan Tanah Kampung Laut sebagai Kampung Pelancongan Warisan yang berkonsepkan '*Living Museum*' dengan kos RM27.4 juta yang dibiayai sepenuhnya oleh ECERDC. Projek yang terletak berhampiran Sungai Kelantan ini merangkumi komponen seperti bengkel kraftangan, kedai makanan tradisional, *boardwalk*, jeti, dataran kejat dan tandas. Ia melibatkan dua pakej iaitu Laman Warisan dan Laman Seni serta dijadual untuk mula beroperasi secara berperingkat bermula penghujung tahun 2021 .

5. Selain itu, Kementerian Kewangan Malaysia turut mengagihkan hasil kutipan Cukai Pelancongan kepada Kerajaan Negeri Kelantan iaitu 50% daripada hasil kutipan Cukai Pelancongan Negeri Kelantan bagi tahun 2020 yang berjumlah lebih RM75,000.

6. MOTAC bersama-sama Kerajaan Negeri Kelantan dan Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa bekerjasama rapat dalam mempertimbangkan sebarang cadangan bagi membangun dan menaiktaraf tempat pelancongan di seluruh negeri Kelantan sekiranya berpotensi untuk dimajukan.

7. Sehubungan itu, MOTAC mengalu-alukan sebarang cadangan dengan syarat, permohonan rasmi yang dibuat hendaklah mematuhi kriteria permohonan projek seperti mana yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan produk pelancongan serta kebudayaan Negeri Kelantan dapat memberi faedah kepada masyarakat tempatan dan ekonomi negara khususnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian dalam meningkatkan keselamatan penunggang motosikal di jalan raya dan justifikasi Kerajaan berhubung kekurangan peruntukan untuk keselamatan jalan raya di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 dan dalam Belanjawan 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Seperti mana sedia maklum, penunggang dan pembonceng motosikal adalah penyumbang utama kepada kematian akibat kemalangan jalan raya di Malaysia, iaitu melebihi 60% daripada jumlah keseluruhan kematian di jalan raya setiap tahun. Statistik daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sehingga 30 September tahun ini telah merekodkan sebanyak 2,322 kematian di kalangan penunggang dan pembonceng motosikal daripada jumlah keseluruhan 3,302 kematian akibat kemalangan jalan raya.

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui agensi dibawahnya iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah mengambil beberapa langkah strategik melalui pendekatan pendidikan keselamatan jalan raya dengan menjalankan advokasi mengenai keselamatan jalan raya dan intervensi di lokaliti yang mempunyai kadar kemalangan yang tinggi. Kementerian melalui agensi-agensi berkaitan sentiasa menjalankan program-program kesedaran keselamatan jalan raya yang dilaksanakan secara berterusan dalam pelbagai siri program, merangkumi pelbagai kumpulan sasar bagi memupuk kesedaran tentang kepentingan keselamatan jalan raya.

Program advokasi Tiada Minggu Tanpa Advokasi (TMTA) dilaksanakan oleh JPJ di seluruh negara dengan menfokuskan kumpulan

sasar yang berbeza dalam memberi kesedaran tentang keselamatan jalan raya, khususnya penunggang motosikal. Melalui program ini, advokasi dan pemberian topi keledar (*helmet exchange programme*) turut dilaksanakan. Sebanyak 328 program advokasi khas untuk penunggang motosikal (termasuk advokasi khas *p-hailing*) telah dilaksanakan, dari Januari sehingga Oktober 2021.

Seterusnya melalui pelaksanaan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) di taska, prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah rendah, elemen keselamatan jalan raya turut diterapkan sebagai usaha berterusan MOT dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam melahirkan generasi pengguna jalan raya yang berhemah dan membudayakan keselamatan jalan raya serta, seterusnya membentuk masyarakat yang peka terhadap kepentingan keselamatan jalan raya.

Program penilaian motosikal atau lebih dikenali sebagai *Malaysia Motorcycle Assessment Program (MyMAP)* oleh pihak MIROS yang telah bermula pada Mac 2021 di mana penarafan bintang diberikan kepada motosikal baharu yang dikeluarkan di Malaysia. Program ini bertujuan untuk menaik taraf tahap keselamatan motosikal dengan meningkatkan penggunaan teknologi baharu dan terkini pada motosikal serta meningkatkan kesedaran orang ramai untuk memilih motosikal yang lebih selamat.

Dari segi teknologi keselamatan kepada motosikal pula, program-program kesedaran dan advokasi mengenai kebaikan dan keberkesanan teknologi *Anti-Lock Braking System (ABS)* terhadap keselamatan motosikal dalam mengurangkan kemalangan dan kecederaan giat

NO SOALAN: 41

dilaksanakan bagi memberikan pendedahan kepada pengguna untuk membeli dan menggunakan motosikal yang lebih selamat.

Selaras dengan usaha berterusan bagi sasaran pengurangan kematian 50% menjelang tahun 2030, Penunggangan Motosikal yang Lebih Selamat telah diletakkan sebagai Bidang Keutamaan (BK) 3 di dalam Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (PKJRM) 2022-2030 yang dijangka akan dilancarkan pada awal tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN
YUSOFF
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk membantu pembangunan industri angkasa negara dan seterusnya menarik pelaburan dari luar agar terlibat dalam sektor angkasa negara bagi melengkapkan ekosistem angkasa negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima Kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator atas soalan yang dikemukakan,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

MALAYSIA SPACE EXPLORATION 2030 (MALAYSIA SPACE-X 2030)

Dalam membangunkan industri angkasa negara, Kerajaan menerusi MOSTI sedang membangunkan satu rangka tindakan sektor angkasa yang komprehensif, iaitu *Malaysia Space Exploration 2030 (Malaysia Space-X 2030)*.

Rangka tindakan ini menggariskan strategi untuk tempoh sepuluh (10) tahun bagi memacu pertumbuhan sektor angkasa negara dan mewujudkan ekosistem angkasa negara yang mampan. Hal ini selaras dengan pelaksanaan Dasar Angkasa Negara (DAN) 2030, khususnya teras keempat iaitu menyumbang kepada Ekonomi dan Kesejahteraan Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Terdapat empat (4) inisiatif utama yang sedang dirancang dan akan dilaksanakan di bawah *Malaysia Space-X 2030*, iaitu:

- 1) Program Pembangunan Satelit Penderiaan Jauh Negara (PSPJN);

- 2) Pelan Strategik Industri Angkasa Negara;
- 3) Pemerksaan kapasiti infrastruktur angkasa negara; dan
- 4) Pengukuhan kerjasama antarabangsa dalam sektor angkasa.

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif Pertama: Program Pembangunan Satelit Penderiaan Jauh Negara (PSPJN)

Program ini akan dilaksanakan melalui kaedah *Public-Private Partnership* (PPP). Ia bertujuan untuk mewujudkan peluang kerjasama strategik antara Kerajaan dan industri tempatan dalam pembangunan teknologi satelit buatan tempatan atau disebut sebagai ***homegrown satellite***.

Program ini berpotensi untuk meningkatkan:

- pertumbuhan industri pembuatan komponen satelit;
- industri hiliran berasaskan data berteraskan teknologi angkasa; dan
- industri sampingan atau *spin-off*.

Pelaksanaan inisiatif ini akan memperkasa kepakaran tempatan dalam teknologi angkasa, dan dapat memperkukuh ekosistem sektor angkasa, seterusnya lebih berdaya saing dan kondusif, serta dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Inisiatif kedua: Pelan Strategik Industri Angkasa Negara

Di bawah *Malaysia Space-X 2030*, Kementerian melalui Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) akan membangunkan **Pelan Strategik Industri Angkasa 2030**.

Pelan ini menetapkan matlamat, fokus dan keutamaan pelbagai aktiviti teknologi angkasa bagi memacu industri angkasa tempatan agar menjadi lebih kompetitif dan berdaya saing. Pelan ini akan dibangunkan berdasarkan hasil Kajian Ekosistem Industri Angkasa yang sedang dilaksanakan oleh MYSA dan akan dijadikan sebagai rujukan bidang keutamaan R,D,C&I dalam sektor angkasa negara.

Seterusnya, kejayaan membangunkan pelan ini akan meningkatkan keyakinan dan minat industri tempatan dan asing untuk melabur serta merencanakan industri angkasa negara seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan sumber ekonomi baharu Malaysia.

Inisiatif ketiga: Pemerkasaan kapasiti infrastruktur angkasa negara

Kerajaan menerusi MOSTI juga telah membangunkan infrastruktur teknologi maju angkasa bertaraf antarabangsa di bawah seliaan MYSA bagi menyokong program R,D,C&I dalam sektor angkasa meliputi penyediaan perkhidmatan untuk permintaan tempatan dan antarabangsa.

Pemerkasaan infrastruktur tersebut merangkumi:

- Fasiliti Pemasangan, Integrasi dan Pengujian Satelit atau *Assembly, Integration and Test Facility* (AIT); dan
- Fasiliti Kawalan Misi Satelit (TT&C) di Banting; serta
- Stesen Penerima Data Satelit Remote Sensing di Temerloh.

Inisiatif keempat: Pengukuhan kerjasama antarabangsa dalam sektor angkasa

Kerjasama Malaysia di peringkat antarabangsa amat penting dalam usaha membangunkan sektor angkasa negara.

Menyedari perkara ini, MOSTI akan mempertingkatkan jaringan kerjasama melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) dengan agensi kecemerlangan di negara-negara maju dalam bidang teknologi angkasa atau disebut sebagai ***space-faring nation***.

Ia bertujuan untuk meningkatkan keupayaan negara dalam R,D,C&I termasuk melalui pemindahan teknologi maju berkaitan angkasa, seperti:

- teknologi satelit;
- pelancar;
- sistem antena; dan
- teknologi kecerdasan buatan dalam pemrosesan *big data* yang berkaitan bagi pembangunan kepakaran di sektor industri tempatan.

Tuan Yang di-Pertua,

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA ANGKASA MALAYSIA

Dalam membangunkan industri angkasa negara, Kerajaan menerusi MOSTI juga sedang mengusahakan penggubalan Rang Undang-Undang Lembaga Angkasa Malaysia.

RUU ini digubal bagi menyediakan kerangka perundangan yang akan menekankan kepada keselamatan atau ***spaceworthiness*** dalam semua aktiviti angkasa yang dilaksanakan negara.

RUU ini akan dapat memastikan aktiviti angkasa negara dilaksanakan secara bertanggungjawab, selamat dan terjamin serta mematuhi segala peraturan dan garis panduan yang dipersetujui di peringkat antarabangsa.

Kewujudan RUU ini akan menjadi panduan untuk perkembangan teknologi angkasa tempatan dan diyakini dapat merancakkan pertumbuhan industri angkasa negara, supaya Malaysia menjadi salah satu pemain sektor angkasa di peringkat antarabangsa.

RUU ini juga telah dibentangkan di dewan yang mulia ini dan baru sahaja diluluskan di Dewan Negara pada 9 Disember 2021 yang lalu.

Kesimpulannya,

Kementerian yakin melalui pewujudan dasar dan pelan hala tuju sektor industri angkasa tempatan, kerangka perundangan, jaringan kerjasama antarabangsa serta program dan inisiatif yang dirangka di bawah *Malaysia Space-X 2030*, ianya akan mewujudkan ekosistem yang kondusif bagi meningkatkan keyakinan industri tempatan dan luar negara untuk melabur dalam pembangunan sektor angkasa negara.

Dijangka sektor ini boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan mencapai sasaran sebanyak 0.3% atau RM3.2 bilion kepada Keluaran Dalam Negara (KDNK) negara.

Selain itu, sektor ini juga dijangka boleh mewujudkan sehingga 5000 peluang pekerjaan baharu dan menjangkakan pendapatan yang boleh diraih daripada pasaran data adalah sebanyak RM40 juta setahun. Malaysia juga menetapkan sasaran untuk menduduki tangga

NO SOALAN: 42

ketiga sebagai pemain industri angkasa di kalangan negara-negara Asia Tenggara menjelang 2030.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN HAJAH NURIDAH BINTI WAN
YUSOFF
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Puan Hajah Nuridah Binti Mohd Salleh minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rancangan Kementerian bagi menggubal undang-undang khusus sebagai langkah penyelesaian kepada isu perjudian dalam talian yang semakin berleluasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Senator Hajjah Nuridah Binti Mohd Salleh di atas soalan yang telah dikemukakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan komited untuk tidak mengeluarkan lesen baru bagi sebarang aktiviti perjudian termasuklah perjudian atas talian dan hanya memperbaharui dan mengawal selia lesen dan permit sedia ada sahaja.

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar semasa Kerajaan adalah tidak membenarkan sebarang bentuk perjudian beroperasi secara atas talian. Sehubungan itu, penguatkuasaan aktiviti perjudian atas talian secara haram adalah dalam kawal selia Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang berada dibawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Kerajaan sangat menggalakkan kerjasama semua pihak untuk menyalurkan sebarang maklumat berkenaan aktiviti perjudian haram yang berlaku kepada Polis Diraja Malaysia untuk diambil tindakan undang-undang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah tindakan Kerajaan dalam menangani masalah kekurangan kemudahan untuk golongan Orang Kurang Upaya di kawasan pelancongan kerana ia menyukarkan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Tahap kebolehcapaian kepada fasiliti dan produk pelancongan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) menjadi fokus berterusan bagi memastikan destinasi, produk dan perkhidmatan pelancongan boleh dikunjungi dan dinikmati oleh semua pelancong tanpa mengira batasan fizikal atau usia.
2. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa mengambil berat terhadap keperluan bagi memenuhi kehendak pasaran segmen pelancong yang memerlukan keperluan khas ini selaras dengan visi MOTAC untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelancong bertaraf dunia.
3. Antara contoh projek pembangunan yang telah mengambilkira aksesibiliti bagi golongan OKU adalah Pembangunan Ecotourism di Lata Tebing Tinggi, Selama Perak dan Projek Infrastruktur Edu-Tourism di Pusat Pemuliharaan Gajah Pygmy, Hilir Kinabatangan, Sabah.
4. Di bawah Teras Strategik 5, Dasar Pelancongan Negara 2020-2030, iaitu Memperkukuh Komitmen Terhadap Pelancongan Lestari, MOTAC akan terus komited dalam memastikan semua kategori pelancong boleh melancong ke Malaysia dengan selamat dan selesa dengan berpandukan prinsip *'Tourism For All – Promoting Universal*

Accessibility' oleh *United Nations World Tourism Organisation* (UNWTO).

5. Selain itu, dalam memastikan kesemua destinasi pelancongan domestik adalah mesra OKU, setiap projek pembangunan dan penyelenggaraan adalah berpandukan kepada Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 melalui Seksyen 34A yang mewajibkan semua bangunan awam menyediakan akses bagi membolehkan OKU memasuki, keluar dan berada dalam bangunan dan menyediakan kemudahan-kemudahan untuk digunakan oleh OKU.

6. MOTAC juga merupakan Ahli kepada Jawatankuasa Rekabentuk Sejahtera dan Alam Bina di bawah Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya yang dipengerusi dan diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Platform ini digunakan sebaiknya oleh MOTAC dalam merencana, berbincang dan melaksanakan segala perancangan berhubung penyediaan *universal access* di destinasi dan produk pelancongan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L
NACHIAPPAN
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah wujud dana Unit Amanah khususnya buat golongan autistik dan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam kalangan kanak-kanak buat masa depan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian ini menyambut baik cadangan YB Senator berkenaan dengan pewujudan dana Unit Amanah khusus buat golongan kanak-kanak OKU untuk masa depan mereka. Meskipun pelbagai bentuk program sokongan kepada kanak-kanak OKU termasuk kanak-kanak dengan autisme telah disediakan oleh KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), masih terdapat isu lain yang perlu dipertimbangkan, antaranya ialah jaminan dan perancangan kewangan untuk masa depan kanak-kanak OKU.

Pada masa ini, kita maklum bahawa Bank Negara Malaysia bertanggungjawab memastikan penyediaan perkhidmatan perlindungan insurans pada kadar yang adil dan sama antara golongan OKU dengan bukan OKU. Terdapat beberapa jenis produk insurans sedia ada untuk komuniti OKU yang disediakan oleh beberapa buah syarikat insurans di Malaysia. Namun demikian, tiada dana khusus yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk pewujudan Unit Amanah bagi golongan OKU.

Berdasarkan Kajian Sistem Sokongan Kepada Penjaga OKU di Malaysia yang dijalankan oleh KPWKM pada tahun 2019 hingga tahun 2020 terhadap 2,333 orang penjaga OKU, didapati bahawa terdapat 66.5 peratus penjaga menghadapi masalah simpanan kewangan terhad dan 56.9 peratus pula menghadapi masalah ketidakcukupan wang belanja keperluan isi rumah akibat pertambahan perbelanjaan mengurus OKU.

NO SOALAN: 45

Menyedari isu ini, KPWKM berpandangan cadangan pewujudan dana Unit Amanah khusus buat golongan kanak-kanak OKU amat sesuai untuk dikaji dan diteliti secara komprehensif. Kebolehlaksanaan cadangan ini juga adalah tertakluk kepada kerjasama semua pemegang taruh, pihak yang berkepentingan dan pertimbangan serta kelulusan agensi pemberi dana, iaitu Kementerian Kewangan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN
YUSOFF
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan adakah pihak Kementerian menyedari bahawa masalah saluran dan pembentungan di sesetengah negeri semakin serius apabila pembangunan di sesetengah tempat tidak terkawal dan ia menyebabkan banjir kilat di tempat tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sememangnya menyedari bahawa masalah saluran di sesetengah negeri semakin serius berpunca daripada pembangunan yang tidak terkawal sehingga menyebabkan banjir kilat di kawasan tersebut.

2. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) di bandar-bandar utama seluruh Malaysia. Dapatan daripada kajian tersebut mendapati punca-punca kejadian banjir kilat adalah disebabkan oleh:

- i. Perubahan pola taburan hujan lebat ekstrim akibat perubahan iklim global;
- ii. Sistem saluran yang tidak sempurna dengan kapasiti yang tidak mencukupi;
- iii. Pertembungan kejadian hujan lebat dengan air pasang tinggi terutamanya bandar-bandar yang berhampiran dengan pantai;
- iv. Ketidapatuhan kepada Pelan Hakisan dan Kawalan Kelodak (ESCP) di tapak-tapak pembinaan yang mengakibatkan kejadian banjir lumpur;
- v. Sistem saluran dan perparitan yang tidak diselenggara dengan baik.

- vi. Kesan perbandaran di mana akibat dari perubahan guna tanah dari kawasan hutan kepada kawasan perbandaran menyebabkan banyak kawasan yang tidak telap air, akibatnya apabila hujan, air hujan tidak dapat menyusup ke dalam tanah dan terus menjadi air larian permukaan. Peningkatan air larian permukaan akan menyebabkan sistem saliran sedia ada tidak dapat menampung air larian hujan tersebut menyebabkan kejadian banjir berlaku.

- vii. Pertumbuhan kawasan perbandaran baru yang tidak terancang terutamanya "*Pocket Development*" di mana sesetengah kawasan ditambak tinggi lebih dari persekitaran yang bersebelahan menyebabkan kawasan bersebelahan banjir.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SR. HAJI MOHD APANDI BIN
MOHAMAD
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan usaha Kementerian dalam melahirkan pengusaha perniagaan memasarkan produk mereka secara dalam talian (*online*).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) telah diberikan amanah untuk menerajui usaha mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik, kondusif dan inklusif bagi menyokong agenda pembangunan sosioekonomi negara. MEDAC juga sentiasa berusaha dan proaktif dalam menggalakkan usahawan terutama dalam Perusahaan Mikro, Kecil dan Kecil (PMKS) meningkatkan keupayaan aplikasi digital termasuk memasarkan produk secara atas talian bagi mengembangkan perniagaan mereka dan meningkatkan hasil jualan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, MEDAC dan agensi di bawahnya telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan usahawan termasuk PMKS meningkatkan keupayaan dan kepakaran bagi menguasai dan mengadaptasi penggunaan teknologi maklumat dalam perniagaan mereka. Misalnya, MEDAC telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan **Program Jom Ubah Minda Peniaga (JUMP)**, di mana usahawan telah diberikan latihan pemasaran dan jualan dalam talian menggunakan platform Pybli secara percuma.

3. Manakala, inisiatif lain yang dilaksanakan oleh MEDAC melalui SME Corp. adalah seperti berikut:

- (i) **Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP), Program *Business Accelerator* (BAP)** dan

Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) merupakan program yang dibentuk bagi membolehkan usahawan terutama PMKS menyertai program digitalisasi termasuk e-dagang. Melalui program tersebut, sebahagian kos penyertaan dalam platform e-dagang yang dipilih oleh PMKS akan ditanggung oleh Kerajaan. Bagi tahun 2021, sehingga 31 Oktober 2021, sejumlah 56 PMKS telah diluluskan geran berjumlah RM2.6 juta di bawah Program BEEP dan BAP;

- (ii) **Program *Women Netpreneur*** merupakan program untuk menggalakkan usahawan wanita memanfaatkan teknologi bagi memasarkan produk mereka secara dalam talian. Peserta akan didedahkan dengan aplikasi Shopee, Google Ads dan juga Facebook untuk mempromosikan produk. Bagi tahun 2021, sehingga 31 Oktober 2021, sejumlah 297 peserta wanita telah menyertai program ini dengan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM267 ribu;
- (iii) **Portal *MyAssist MSME*** adalah program yang menyediakan peluang kepada PMKS untuk memasarkan produk/perkhidmatan kepada pelanggan melalui platform e-dagang dan e-pameran. Di samping itu, portal ini juga menyediakan maklumat berkenaan program/bantuan yang ditawarkan oleh pelbagai Kementerian dan Agensi, khidmat nasihat perniagaan serta peluang menyertai sesi pepadanan perniagaan secara dalam talian. Bagi tahun 2021, sehingga

NO SOALAN: 47

Oktober 2021, sejumlah 620 PMKS telah menggunakan e-dagang (*onboard*) di portal ini, dan sejumlah 506 PMKS telah menyertai e-pameran melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan seperti Minggu PKS; dan

- (iv) **Program Latihan bersama Shopee** merupakan program bagi menggalakkan PMKS terlibat dalam e-dagang. Bagi tahun 2021, sehingga Oktober 2021, sejumlah 2,318 PMKS telah mengikuti latihan e-dagang di bawah kerjasama ini.

4. Selain itu, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) turut menyediakan program untuk memasarkan produk usahawan secara atas talian. Antara program yang memberi pendedahan ke arah pendigitalan dan pemasaran adalah **Program Bimbingan Jualan Atas Talian (*e-Board*)** serta **Program Latihan Bisnes (*IBT*) Jualan dan Pemasaran**.

- (i) **Program Bimbingan Jualan Atas Talian (*e-Board*)**
- Program ini mensasarkan peningkatan hasil jualan minimum 20% setelah selesai menyertai program bimbingan ini selama 4 bulan;
 - Bagi tahun 2021, sehingga pertengahan November 2021, 14 kohort telah dilaksanakan, seramai 1,942 orang usahawan terlibat dengan peningkatan hasil jualan sebanyak 20.9% bagi yang telah selesai bimbingan. Kebanyakan peserta masih dalam proses bimbingan dan pengemaskinian maklumat hasil jualan.

(ii) Program Latihan Bisnes (IBT) – Jualan dan Pemasaran

- Program latihan dua hari ini adalah untuk memberi tumpuan kepada pengetahuan teknikal dengan tujuan untuk membimbing pengusaha membangun dan memperkuat operasi harian. Peserta yang mengikuti program ini perlu menyelesaikan tugas yang diberi semasa sesi tersebut;
- Bagi tahun 2021, sehingga pertengahan November 2021, 160 sesi telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai 11,527 orang peserta.

5. Bagi agensi MEDAC seperti **Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)** pula telah menganjurkan latihan berkala kepada peminjam menerusi **platform Facebook** iaitu:

- (i) **Kursus Asas Fotografi;**
- (ii) **Kursus Asas Penulisan;**
- (iii) **Kursus Asas Penulisan Pengiklanan;**
- (iv) **Kursus Asas Penulisan Kreatif;**
- (v) **Kursus Asas Papan Layar; dan**
- (vi) **Kursus Asas Suntingan Video Telefon Pintar.**

6. **Bank Rakyat** menawarkan program-program berikut:

- (i) ***Surviving The New Norm (STNN)*** – Program pembangunan usahawan merangkumi aspek pengurusan kewangan dalam norma baru, dan perniagaan melalui platform digital;
- (ii) Platform ***Quick Response To Entrepreneurs (QR2E)*** oleh Bank Rakyat merupakan platform perbankan dalam talian bagi PMKS termasuk koperasi yang direka khusus untuk membantu usahawan dengan menyediakan khidmat nasihat kewangan digital yang komprehensif, cepat, dan mudah.

7. **TEKUN Nasional** telah diperuntukkan sebanyak RM2.5 juta bagi melaksanakan **Program Pemasaran Online**. Pelaksanaan program ini bertujuan untuk melatih usahawan menggunakan platform-platform sedia ada dan memanfaatkan penggunaan teknologi bagi memasarkan produk dan meluaskan capaian pelanggan. Bagi pelaksanaan program ini, TEKUN Nasional telah bekerjasama dengan INSKEN dan MyNIC. Sehingga Oktober 2021, seramai 1,338 usahawan telah dilatih.

8. **SME Bank** melalui **Program ODELA** ada menyediakan sebuah platform pembelian secara *business-to-business* kepada pelanggan SME Bank sedia ada dan terbuka kepada semua Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Ia membolehkan PKS bertransaksi dalam talian dengan institusi kewangan. Antara perkhidmatan yang disediakan melalui ODELA seperti :

- (i) **Platform e-perniagaan;**
- (ii) **Platform pemasaran digital;**

- (iii) **E-logistik & penyimpanan; dan**
- (iv) **E-bidding & e-perolehan.**

9. Oleh yang demikian, Kerajaan yakin akan terus dapat meningkatkan bilangan usahawan yang terus mengadaptasi pendigitalan terutama dalam memasarkan produk secara atas talian bagi mengembangkan perniagaan mereka serta meningkatkan hasil jualan. MEDAC akan memastikan semua agensi di bawahnya untuk komited dengan inisiatif ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L
NACHIAPPAN
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah konsep Keluarga Malaysia dapat diamalkan oleh rakyat Malaysia terutama dalam kalangan ahli politik kerana terdapat kesenjangan yang serius dilihat daripada mata rakyat Malaysia.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Konsep Keluarga Malaysia bersifat inklusif kerana ia merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum. Konsep Keluarga Malaysia yang didukung oleh Kerajaan hari ini akan terus dijadikan falsafah pentadbiran negara. Tiga (3) nilai utama dibawah konsep Keluarga Malaysia ini iaitu keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran merupakan nilai-nilai kekeluargaan yang sentiasa dipupuk dalam masyarakat majmuk Keluarga Malaysia ini.
2. Konsep Keluarga Malaysia ini dapat diamalkan oleh seluruh rakyat Malaysia dengan mengenetepikan perbezaan yang seringkali ditimbulkan tetapi memberi fokus kepada persamaan yang boleh membawa kelebihan kepada rakyat dalam menangani cabaran yang mendatang. Sebagai contohnya, dalam dua (2) tahun kebelakangan ini, cabaran pandemik COVID-19 telah menyatukan pelbagai pihak sama ada Kerajaan, pihak swasta, badan bukan Kerajaan, individu-individu untuk bersama-sama dan tidak kekok menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan, yang pentingnya objektif untuk mengurangkan beban kepada mereka yang terjejas dengan situasi pandemik ini dapat dicapai.

3. Di peringkat Kerajaan, pelbagai program/projek yang berkonsepkan Keluarga Malaysia telah diperkenalkan. Ia merupakan usaha untuk menyemai budaya khidmat, berorientasikan prestasi bagi meringankan beban Keluarga Malaysia yang memerlukan bantuan dan sokongan seperti Skwad Keluarga Malaysia, Bantuan Keluarga Malaysia, Peranti Siswa Keluarga Malaysia dan sebagainya. Kerajaan akan terus komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH
SUFFIAN
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menarik semula minat para pelajar berikutan kajian UNICEF bahawa 1 daripada 5 pelajar semakin hilang minat dalam pembelajaran berikutan penutupan sekolah akibat dilanda pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa pandemik COVID-19 memberi kesan kepada pembelajaran murid terutamanya apabila mereka tidak dapat hadir ke sekolah secara bersemuka. Bagi memastikan tiada murid yang tercicir dalam pembelajaran semasa penutupan sesi persekolahan bersemuka, KPM telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). PdPR dilaksanakan melalui tiga pendekatan iaitu secara dalam talian, di luar talian dan *off-site* mengikut kesesuaian guru dan murid.

Bagi menangani keciciran dalam kalangan murid, KPM telah menyediakan Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah (GPMBC) untuk membantu pihak sekolah melaksanakan intervensi dalam menangani faktor keciciran yang dikenal pasti. Khidmat guru bimbingan dan kaunselor (GBK) dan guru pemulihan turut digembleng melalui pelbagai kaedah seperti program motivasi, infografik pendidikan dan video inspirasi sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan minat murid dalam meneruskan persekolahan hingga tamat Tingkatan 5.

Selain itu, sesi konsultasi antara GBK bersama-sama dengan guru mata pelajaran dan guru kelas dilaksanakan untuk mengenal pasti murid-murid yang tidak mengikuti sesi pembelajaran. Intervensi berfokus dijalankan agar murid kembali ke sekolah dan berminat untuk mengikuti pembelajaran.

NO SOALAN: 49

Perbincangan pihak sekolah dengan ibu bapa/penjaga murid juga dilaksanakan untuk mengenal pasti sebab dan seterusnya mencadangkan langkah-langkah yang boleh diambil bagi menangani murid yang kurang minat untuk belajar. Kerjasama ini penting untuk memastikan mereka dapat menyokong pembelajaran anak-anak/anak jagaan semasa di rumah dan sekolah. Program Amalan Sekolah Penyayang mengikut kebiasaan baharu turut dilaksanakan dalam usaha menarik minat murid untuk hadir ke sekolah.

KPM yakin usaha berterusan yang dilaksanakan ini dapat meningkatkan minat murid untuk terus belajar dan menyokong perkembangan pendidikan murid.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. AHMAZ AZAM BIN HAMZAH
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah kesediaan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam menghadapi musim tengkujuh yang bakal tiba dan apakah bentuk bantuan serta jalinan kerjasama dengan jabatan dan agensi yang lain bagi memastikan bentuk bantuan yang disalurkan tersebut sampai kepada orang yang benar-benar memerlukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

JKM sentiasa berada pada tahap kesiapsiagaan yang tinggi dalam menghadapi bencana terutamanya Monsun Timur Laut (MTL) yang dijadualkan berlaku setiap tahun. Arahan Majlis Keselamatan Negara No 20 (MKN 20), telah menggariskan empat (4) peranan JKM iaitu :

- i) Menyedia dan menyelenggara pusat-pusat pemindahan mangsa-mangsa bencana;
- ii) Menyedia dan mengedarkan bantuan makanan, pakaian dan lain-lain keperluan asas kepada mangsa-mangsa bencana;
- iii) Menjalankan pendaftaran mangsa-mangsa bencana bagi maksud pemulihan; dan
- iv) Memberi bimbingan, nasihat/kaunseling kepada mangsa-mangsa bencana.

Berdasarkan situasi semasa, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah membuat kesiapsiagaan yang khusus bagi menghadapi Monsun Timur Laut. JKM telah menyalurkan peruntukan sebanyak **RM7.3 juta** kepada negeri-negeri bagi menghadapi bencana **tahun 2021/2022** ini. Peruntukan ini adalah untuk pembelian barang keperluan asas, makanan kering dan sebagainya bagi keperluan mangsa bencana. Selain itu, sebanyak RM27.7 juta juga telah diperuntukkan oleh

Kerajaan Negeri melalui JKM bagi memastikan kesiapsiagaan bencana dalam keadaan terbaik.

JKM telah mengenal pasti dan menyediakan sebanyak **5,731 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS)** di seluruh negara yang berupaya menampung seramai **1.6 juta mangsa bencana** dalam satu-satu masa. PPS ini memenuhi tahap piawaian yang telah ditetapkan iaitu ruang atau kapasiti yang mencukupi termasuk susun atur atau *layout* untuk tempat tidur, ruang makan, ruang solat dan sebagainya. Selain itu ianya dipastikan mempunyai kemudahan asas seperti air bersih, elektrik, tandas dan bilik mandi. Premis PPS ini juga perlulah selamat daripada bencana dan tidak terputus hubungan serta mesra untuk Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, kanak-kanak dan wanita.

Tuan Yang di-Pertua,

Cabaran baru dalam situasi menguruskan bencana adalah penularan wabak COVID-19 yang memerlukan satu Prosedur Operasi Standard (SOP) yang khusus. Oleh yang demikian satu SOP telah dibangunkan sebagai sumber rujukan kepada semua pihak dalam pengurusan bencana. Antaranya ialah kawalan kesihatan di mana saringan kesihatan untuk mangsa dan petugas akan dijalankan. Pengasingan akan dibuat sekiranya mangsa bergejala. Selain itu kawalan pergerakan juga dilaksanakan iaitu tiada sebarang aktiviti berkumpulan dilakukan. Penyediaan makanan juga secara makanan masak berbungkus (*packed food*). Selain itu, lawatan awam ke PPS sepanjang tempoh pandemik COVID 19 tidak dibenarkan. Dalam memastikan penjarakan sosial di PPS dilaksanakan, penandaan jarak dilakukan di ruang pendaftaran, kaunter makanan, ruang menunggu dan sebagainya.

Mangsa dan petugas juga perlu mengamalkan kebersihan diri pada setiap masa dengan sentiasa memakai pelitup muka dan mengaplikasikan 3W (*Wash/ Wear/ Warn*).

JKM juga telah menyediakan fasiliti penyimpanan barang keperluan bencana di seluruh negara sebagai langkah kesiapsiagaan menghadapi bencana pada bila-bila masa sahaja. Antara kemudahan yang disediakan ialah **8 (lapan) buah Depoh Simpanan Keperluan Bencana, 165 buah Stor Bencana di peringkat Negeri / Daerah dan 521 buah Pangkalan Hadapan di kawasan rapuh bencana.**

Penggunaan tenaga kerja yang optimum perlu dalam memastikan penyampaian bantuan dan perkhidmatan berjalan dengan baik dan sempurna. Oleh yang demikian seramai **5,299 pegawai dan kakitangan** Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bersedia untuk digerakkan pada bila-bila masa sahaja ketika bencana berlaku. Selain itu seramai **172 pegawai psikologi dan kaunselor** bersedia untuk memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada mangsa-mangsa bencana yang memerlukan. Hakikat yang perlu diakui, kapasiti tenaga kerja JKM adalah terhad dan memerlukan penggemblengan tenaga dari pelbagai pihak. Oleh demikian, JKM telah mendaftarkan seramai **13,129 orang Sukarelawan JKM** yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan khas serta bersedia untuk berkhidmat apabila diperlukan.

Meskipun penentuan dasar pengurusan bencana negara terletak di bawah tanggungjawab NADMA, namun Kementerian / Jabatan lain juga mempunyai tanggungjawab pelaksanaan berdasarkan fungsi teras setiap kementerian/jabatan. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat bertanggungjawab

dalam pengoperasian Pusat Pemindahan Sementara (PPS). JKM yang mengamalkan kaedah '**Pemeriksaan Komuniti Semasa Bencana/ *Community Empowerment During Disaster***' telah menjalinkan kerjasama yang rapat dengan ketua dan ahli komuniti, ketua jabatan atau agensi di peringkat negeri dan daerah dalam pengurusan dan pengoperasian pusat pemindahan semasa kejadian bencana serta tugas-tugas pasca bencana. Kerjasama erat ini perlu diteruskan di masa depan dengan penganjuran banyak latihan dan *engagement* dilaksanakan bagi memperkasakan lagi kebolehan dan kecekapan mereka. Agensi-agensi yang menjadi rakan strategik JKM ini adalah Pejabat Daerah, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), RELA, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Kesihatan dan lain-lain lagi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK BOBBEY BIN SUAN
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah peratus kadar kebolehpasaran graduan yang tamat pengajian pada tahun 2019 hingga 2021 dan adakah berlaku sebarang penurunan yang ketara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Behormat,

Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) semasa musim konvokesyen untuk tempoh dua (2) tahun terkini, terdapat penurunan kepada kadar kebolehpasaran graduan dengan perubahan sebanyak 1.8 peratus, dari 86.2 peratus pada tahun 2019 kepada 84.4 peratus pada tahun 2020. Data yang diperolehi buat masa ini adalah bagi tahun 2020 sahaja memandangkan data kadar kebolehpasaran graduan pada tahun 2021 sedang dikemaskini dan keputusan hanya akan diperolehi pada bulan Februari tahun 2022 kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD
RADZI
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah inisiatif bagi merealisasikan Pelan Tindakan OKU Rabbani ketika ini serta nyatakan fokus jangka pendek dan panjang menerusi pelan ini.

JAWAPAN

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang dimaklumkan sebelum ini Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sedang menggubal Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya Rabbani yang sekarang dikenali sebagai Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya Muslim (PTOKUM). Pelan ini mendukung Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (OKU) Kebangsaan dan juga dasar sedia ada iaitu Dasar Orang Kurang Upaya (OKU) Negara yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
2. Pelan ini memerlukan penambahbaikan serta pandangan daripada pihak-pihak yang berkaitan mengikut keperluan semasa bagi memperkemaskan perancangan sebelum ia dilaksanakan. Sesi libut urus dengan agensi dan kementerian yang terlibat sedang dijalankan sebagai inisiatif bagi merealisasikan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya Muslim.

3. Antara fokus dan inisiatif yang melibatkan jangka masa pendek dan panjang termasuk:-
- a. Memperkukuhkan dakwah OKU bagi kesejahteraan ummah;
 - b. Memantapkan penyelidikan dan inovasi ke arah pembangunan kehidupan OKU;
 - c. Memperkasakan pendidikan Islam kepada OKU bagi kelestarian kualiti hidup;
 - d. Mengukuhkan institusi kekeluargaan Islam OKU ke arah pembentukan generasi yang harmoni; dan
 - e. Meningkatkan sistem sokongan OKU ke arah pembentukan masyarakat prihatin.
4. Penggubalan Pelan ini merupakan keprihatinan Kerajaan terhadap golongan OKU, dan ia merupakan komitmen Kerajaan dalam usaha memastikan OKU mendapat kefahaman yang baik tentang Islam, di samping masyarakat cakna terhadap keperluan OKU Muslim.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 22 DISEMBER 2021**

Datuk John Ambrose minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan :-

- a. langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengoptimumkan potensi Sabah sebagai hub pertanian serantau; dan
- b. apakah usaha Kementerian bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan pertanian melalui pelaksanaan pertanian pintar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa mengutamakan pembangunan sektor agromakanan di Sabah sejajar dengan usaha menjadikan negeri ini sebagai hub pertanian serantau.

Sehubungan itu, MAFI melalui Jabatan Pertanian Sabah akan meningkatkan keluasan kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di negeri ini dengan mewujudkan sebanyak empat buah TKPM iaitu TKPM Sg. Koyah, Kinabatangan Fasa 2, TKPM Limbuak Banggi Kudat dan TKPM Ulu Bole Sipitang serta dua buah Mini TKPM iaitu Mini TKPM Ulu Bongawan dan Mini TKPM Serudong, Kalabakan. Peningkatan jumlah TKPM dalam tempoh 10 tahun akan datang di bawah RMKe-12 dan RMKe-13 ini akan dapat meningkatkan potensi pengeluaran hasil tanaman di Sabah selaku hub pertanian serantau.

Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah melalui Jabatan Pertanian Sabah juga merancang untuk menjadikan Keningau sebagai *Fruit Valley of Sabah*, memberi fokus kepada tanaman pisang, lemon dan avokado bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan pertanian. Projek ini akan direalisasikan melalui pewujudan TKPM Apin-Apin Keningau yang dijadualkan siap pada tahun 2022 dengan peruntukan sebanyak RM2.5 juta daripada Kerajaan Persekutuan.

Selaku sebuah Institut Kewangan Pembangunan (IKP) yang memberi tumpuan kepada kelestarian dan pembangunan sektor pertanian, Agrobank telah meluluskan kemudahan pembiayaan sejumlah RM191 juta di Sabah bagi tempoh 1 Januari 2021 hingga 31 Oktober 2021 khususnya RM2.8 juta di daerah Beluran yang memanfaatkan seramai 90 orang penerima pembiayaan. Inisiatif ini dapat memantapkan akses kepada kemudahan kewangan untuk membangunkan projek pertanian di Sabah. Selain itu, Agrobank telah meluaskan rangkaian cawangan di Sabah dengan pembukaan cawangan di Beluran pada 5 Disember 2021.

Bagi meningkatkan pelaksanaan pertanian pintar di Sabah, MARDI telah melaksanakan pemindahan teknologi dalam pertanian moden antaranya melalui seperti sistem penanaman secara fertigasi untuk tanaman seperti *rock melon*, halia, cili, lada, tomato dan tomato ceri kepada pegawai pengembangan, syarikat-syarikat swasta dan institut pengajian tinggi.

Bagi sektor ternakan pula, MAFI melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Negeri Sabah berusaha untuk melaksanakan pertanian pintar menerusi aplikasi teknologi dan kaedah penternakan terkini berteraskan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR). Antaranya adalah dengan memperkenalkan sistem penternakan lembu secara integrasi di bawah perladangan kelapa sawit. Aplikasi teknologi moden seperti penggunaan tanda pengenalan *Radio Frequency Identification* (RFID) turut digunakan dalam sistem penternakan integrasi bagi meningkatkan kecekapan daya jejak (*traceability*) dan pemantauan ternakan.

Selain penternakan lembu pedaging, aktiviti penternakan lembu tenusu juga sedang berkembang pesat di Sabah sehingga menjadi antara negeri pengeluar utama bagi susu segar di Malaysia. Syarikat-syarikat berskala besar seperti Evergreen Livestock Sdn. Bhd. telah menggunakan teknologi pintar dalam pengurusan ternakan yang mampu meningkatkan produktiviti dan kualiti susu serta ekonomi ladang.

Di samping itu, MAFI juga telah mengenalpasti potensi Sabah sebagai salah satu negeri pengeluar utama bagi sarang burung walit (SBW) di Malaysia. Purata pengeluaran SBW yang terdiri daripada SBW rumah dan SBW gua adalah sebanyak 82 tan metrik setahun. SBW ini telah berjaya menembusi pasaran eksport ke luar negara seperti China dan Vietnam. Bagi menggalakkan perkembangan industri ini, MAFI menerusi DVS telah memperkenalkan sistem blok rantai atau *blockchain* sebagai salah satu usaha Kerajaan untuk mengukuhkan sistem daya jejak SBW.

Bagi sektor perikanan, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah melalui Jabatan Perikanan Sabah telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran hasil perikanan di Sabah melalui perikanan tangkapan marin serta akuakultur marin/ air tawar menggunakan teknologi seperti *recirculating aquaculture system* (RAS) di hatcheri ikan oleh KO-Nelayan.

NO SOALAN: 53

Usaha bagi mempergiatkan pertanian pintar di peringkat kumpulan sasar juga dilaksanakan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) menerusi program Ladang e-Satelit. Sebanyak RM303,961 telah diperuntukkan kepada 46 orang peserta di Sabah melalui program ini. Jumlah peruntukan ini meliputi perolehan untuk pembelian dron bagi tujuan pertanian pintar yang merangkumi tanaman padi, timun, terung, *rock melon* dan penternakan burung walit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD
SALLEH
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan pelan strategik Kementerian dalam mengaplikasi teknologi terkini bagi membantu mengenal pasti penjenayah alam sekitar yang seringkali bertindak melupuskan sisa bahan buangan di tapak pelupusan haram.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah membangunkan aplikasi *Electronic Schedule Waste Management System* (eSWIS) bagi memantau pergerakan buangan terjadual dari premis pengeluar buangan ke premis kemudahan pengolahan, pemerolehan kembali dan pelupusan buangan terjadual yang dilesenkan oleh JAS. Sistem ini telah dibangunkan pada tahun 2013 dan arahan penggunaan sistem eSWIS oleh industri telah dikeluarkan sejak Julai 2015.
2. Sistem eSWIS berfungsi bagi tujuan penjejakan pergerakan buangan terjadual di mana pemantauan dibuat ke atas pergerakan buangan terjadual yang diangkut keluar dari premis pengeluar buangan oleh pengangkut yang dilesenkan ke premis kemudahan pengolahan, pemerolehan kembali dan pelupusan buangan terjadual yang dilesenkan oleh JAS. Pemantauan melalui sistem ini sebenarnya dapat membantu mengelakkan berlakunya pelupusan haram.
3. Sistem eSWIS juga mengandungi pangkalan data ciri-ciri kimia buangan terjadual oleh pengeluar buangan serta "*waste acceptance criteria*" buangan yang boleh diterima dan diproses oleh premis-premis kemudahan pemerolehan kembali yang dilesenkan oleh JAS. Sistem ini juga dinaiktaraf dari masa ke semasa bagi memenuhi keperluan penambahbaikan penjejakan buangan terjadual.

4. Selain sistem tersebut, JAS juga telah menetapkan semua “pengangkut yang dilesenkan” (kendaraan) perlu memasang *Global Positioning System* (GPS) bagi memastikan semua buangan terjadual yang diangkut daripada “Premis Yang Ditetapkan” dihantar ke premis pemerolehan kembali atau tapak pelupusan selamat. Buat masa sekarang, premis yang dilesenkan akan mengawasi pergerakan kenderaan-kenderaan pengangkut masing-masing. Pihak JAS sedang meneliti aspek penambahbaikan agar jaringan sistem GPS berkenaan dapat disambungkan ke sistem JAS agar pergerakan semua kenderaan pengangkut buangan terjadual dapat dipantau dengan rapi.

5. Selain itu, penggunaan teknologi *Drone* juga digunakan bagi memantau kawasan-kawasan yang berpotensi untuk menjadi tempat pelupusan haram. Semua maklumat daripada penerbangan *drone* akan disalurkan kepada JAS Negeri untuk siasatan lanjut dibawah peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974).

Sekian. terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status pelaksanaan Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan (URUS) yang menawarkan pengecualian faedah untuk 3 bulan dan pengurangan bayaran ansuran untuk tempoh sehingga 24 bulan termasuk pengurangan kadar faedah bagi kumpulan B50 dan setakat mana Bank Negara Malaysia telah memperincikan program URUS ini sebagai satu pendekatan holistik untuk seluruh negara (*whole of nation*).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Permohonan bagi pengecualian faedah ke atas penerima moratorium pinjaman golongan B50 di bawah Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan (URUS) telah mula dibuka sejak 15 November 2021 bagi golongan B50 rentan yang masih hilang pekerjaan, atau mengalami pengurangan pendapatan sekurang-kurangnya 50% akibat pandemik COVID-19. Program yang dibentuk dengan kerjasama antara Bank Negara Malaysia (BNM), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kewangan (AKPK) dan institusi perbankan ini merupakan suatu program yang holistik. Di bawah program ini, AKPK akan menyediakan pelan kewangan peribadi bagi peminjam dengan mengambil kira semua sumber pendapatan yang mampu diperuntukkan untuk membayar segala hutang di semua institusi kewangan, selepas menolak kos keperluan hidup. Peminjam juga akan mendapat pengecualian faedah selama tiga bulan serta bantuan bayaran balik pinjaman bagi tempoh sehingga 24 bulan, dari segi penangguhan dan pengurangan bayaran balik ansuran mengikut kemampuan masing-masing. Pendekatan yang holistik ini bukan sahaja membantu peminjam membuat bayaran balik pinjaman mengikut kemampuan mereka, malah peminjam juga mendapat manfaat daripada nasihat pengurusan kewangan yang boleh meningkatkan daya tahan kewangan mereka dalam jangka masa panjang.

Setakat 26 November 2021, bank-bank telah menerima lebih kurang 1,000 permohonan URUS dan angka ini dijangka akan terus meningkat.

Peminjam yang layak boleh segera memohon melalui bank masing-masing. Sepertimana yang dilaksanakan untuk program-program bantuan bayaran balik sebelum ini, BNM akan terus memainkan peranan untuk memantau pelaksanaan program ini bagi memastikan bank-bank memproses permohonan dengan cekap dan berlaku adil terhadap semua peminjam yang layak.

Selain daripada program URUS, bantuan bayaran balik pinjaman masih juga diteruskan bagi peminjam-peminjam lain yang terjejas akibat pandemik COVID-19, tidak kira individu mahupun perusahaan kecil sederhana (PKS). Bank-bank masih menyediakan pakej bantuan termasuk pengurangan ansuran bulanan mengikut kemampuan peminjam. Di samping itu, AKPK turut menyediakan program-program bantuan lain seperti Program Pengurusan Kredit (*Debt Management Programme*, DMP), Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (*Small Debt Resolution Scheme*, SDRS) dan Skim Sokongan Ketahanan Kewangan (*Financial Resilience Support Scheme*, FIRST).

Peminjam PKS juga boleh menghubungi Meja Bantuan PKS (*SME Help Desk*) AKPK atau BNMTELELINK untuk meminta bantuan bayaran balik pinjaman serta mendapatkan nasihat dan pendidikan kewangan secara percuma.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI
TARIKH : 22 DISEMBER 2021**

Datuk Paul Igai minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah bilangan remaja wanita hamil di bawah umur mengikut negeri sejak 2017 dan apakah langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) komited melaksanakan program berbentuk intervensi/pencegahan berkaitan kesihatan reproduktif dan seksualiti kepada remaja, keluarga dan masyarakat bagi mengatasi isu wanita hamil bawah umur.

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), bilangan kes baru kehamilan remaja yang berdaftar dengan fasiliti KKM bagi tahun 2017 hingga 2020 adalah seramai 41,083 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 14,561 remaja belum berkahwin. Secara purata dari tahun 2017 - 2020, bilangan remaja hamil yang datang mendapatkan perkhidmatan di fasiliti kesihatan kerajaan adalah 10,000 setahun. Ini bersamaan dengan 830 kes remaja hamil setiap bulan di mana 35% daripadanya tidak berkahwin.

Berdasarkan Statistik Remaja Hamil Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) bagi tahun 2017 hingga 2020, statistik remaja hamil belum berkahwin di lima negeri teratas ialah Sarawak (4,869 orang), Johor (1,883 orang), Selangor (1,768 orang), Sabah (1,501 orang) dan Perak (1,151 orang).

Justeru, Beberapa inisiatif yang dijalankan bagi menangani isu ini adalah seperti berikut:

- a) **Membentuk Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI)** bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran semua pihak termasuklah wanita, keluarga, dan kanak-kanak berkaitan pendidikan kesihatan reproduktif dan melahirkan masyarakat yang penyayang, bertanggungjawab, dan resilien serta mengamalkan gaya hidup yang sihat dan sejahtera. Di bawah pelan tindakan ini, pembangunan kemahiran kesihatan reproduktif yang sihat dan selamat ditekankan samada melalui pendidikan formal di sekolah atau tidak formal di luar sekolah selain meningkatkan kompetensi pendidik termasuk memperkasa ibubapa berkaitan isu kesihatan reproduktif.
- b) Golongan lelaki juga tidak terkecuali dalam pembangunan kemahiran kesihatan reproduktif di mana satu Modul khusus iaitu Modul Cakna Diri Lelaki dibangunkan khas untuk remaja lelaki berumur 16 tahun dan ke atas bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran diri berkaitan SRH dan memupuk sifat bertanggungjawab serta menghormati dalam perhubungan bagi mengelakkan isu jenayah seksual dan hidup tanpa keganasan.
- c) Selain itu, LPPKN juga telah membangunkan 2 buah lagi modul kesihatan reproduktif remaja untuk kedua-dua jantina iaitu Modul Cakna Diri Remaja dan Modul Kesejahteraan Hidup. Modul-modul ini memberi latihan kemahiran diri berkata TIDAK ke atas ajakan melakukan maksiat dan aspek 3R (*Rights, Respect and Relationship*) di dalam perhubungan antara jantina.
- d) Di bawah Program PEKERTI, LPPKN telah mendirikan 18 buah Pusat Remaja KafeTEEN. Pusat Remaja KafeTEEN berkonsep mesra remaja bertujuan untuk meningkatkan akses kepada maklumat serta perkhidmatan kesihatan reproduktif, menawarkan

perkhidmatan kesihatan, khidmat kaunseling psikososial serta program pendidikan dan pembangunan kemahiran (*skills building*) untuk golongan remaja. KafeTEEN telah menjalankan program pendidikan, menyediakan perkhidmatan kaunseling remaja dan perkhidmatan kesihatan reproduktif melalui pendekatan bersemuka serta menerusi platform aplikasi myKafeTEEN. Sebanyak 16,705 orang klien remaja telah mendapatkan Perkhidmatan Kaunseling Remaja dan Perkhidmatan Kesihatan Reproduksi manakala seramai 347,392 remaja telah menyertai Program Pendidikan dan Pembangunan Kemahiran Remaja dari tahun 2017 hingga Oktober 2021.

- e) Tambahan lagi, *referral pathway* diutamakan bagi memastikan golongan yang berisiko tidak tercicir dan diberikan intervensi yang optimum melalui kolaborasi bersama agensi kerajaan, swasta, dan Badan Bukan Kerajaan.
- f) Melalui **Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur** di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga menetapkan komitmen pemegang taruh utama di peringkat kerajaan, swasta, mahupun Badan Bukan Kerajaan di bawah Faktor Dua (2); iaitu kekurangan atau ketiadaan akses kepada pendidikan kesihatan reproduktif dan seksual serta kemahiran keibubapaan. Di bawah faktor ini, empat (4) strategi utama melibatkan penyediaan platform penyampaian informasi SRH kepada kanak-kanak dan ibubapa, menyediakan perkhidmatan SRH mesra kanak-kanak dan remaja untuk meningkatkan advokasi dan intervensi berkaitan SRH termasuk isu jenayah seksual kepada kanak-kanak dan remaja hamil luar nikah serta mengukuhkan institusi kekeluargaan melalui penyampaian maklumat, bimbingan, dan kemahiran kepada ibu bapa/ penjaga.

- g) Penubuhan *Task Force* Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak pada tahun 2016 telah memperkukuhkan lagi sistem perundangan mengikut trend isu jenayah seksual kanak-kanak di era digitalisasi ini dengan pewujudan Akta Kesalahan-kesalahan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792], Penubuhan Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-Kanak di Putrajaya pada tahun 2017 dan Kuching pada tahun 2018, serta pelantikan Pesuruhjaya Kanak-Kanak di bawah SUHAKAM pada tahun 2019.

Dengan pendedahan maklumat yang betul dan latihan pembangunan kemahiran diri yang bersesuaian bermula dari awal remaja lagi, golongan muda dapat diperkasakan dengan pengetahuan dan kemahiran bagi membantu mereka dalam membuat pilihan serta keputusan yang bijak berhubung kesihatan reproduktif dan seksual remaja, seterusnya dapat membendung peningkatan bilangan kes kehamilan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Dato' Haji Husain Bin Awang minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan pelan strategik jangka masa panjang Kementerian untuk memastikan jaminan bekalan air yang mencukupi serta mengatasi masalah gangguan bekalan yang sering berlaku di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan bekalan air adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan semasa serta memenuhi permintaan air pada masa hadapan. Jaminan kecukupan bekalan air serta mengurangkan gangguan bekalan air adalah berkait rapat dengan faktor berikut:

- i. Kualiti dan kecukupan sumber air seperti air sungai;
- ii. Kedudukan rizab margin bekalan air terawat;
- iii. Kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW); dan
- iv. Kedudukan kewangan operator bekalan air.

2. Sumber air utama bagi negara adalah air sungai dan semua pihak seharusnya memastikan sungai tidak tercemar terutamanya sungai yang menjadi sumber air kepada loji-loji rawatan air. Justeru Kementerian dan agensi di bawahnya telah mengambil pelbagai inisiatif seperti penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas dan pendidikan yang lebih komprehensif dalam memupuk kesedaran masyarakat umum terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar terutamanya sungai. Dari segi pemantapan penguatkuasaan kerajaan melalui Kementerian telah mengambil langkah-langkah berikut:

- i. pindaan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655] dengan meluaskan skop peruntukan berhubung pencemaran air iaitu menjadikan pencemaran sumber air yang mengakibatkan pemberhentian operasi loji rawatan air sebagai satu kesalahan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) supaya ia dapat membendung aktiviti mencemarkan sungai dari terus berlarutan; dan
 - ii. penubuhan Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar (UCJAS) melibatkan usahasama agensi KASA iaitu Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi membendung pencemaran sumber air
4. Dalam memupuk kesedaran masyarakat supaya menjaga kebersihan sungai, Kementerian turut melaksanakan inisiatif Denai Sungai Kebangsaan (DSK) yang mensasarkan pewujudan 10,000 km dengai sungai di seluruh negara menjelang 2030.
5. Tumpuan juga diberikan untuk memastikan kecukupan bekalan air terawat melalui keperluan merancang dan melaksanakan supaya kadar rizab margin bekalan air di setiap negeri mencapai 10% sehingga 15% bagi tujuan memastikan gangguan bekalan air dapat dielakkan. Pada tahun 2020, rizab margin Semenanjung Malaysia dan Labuan berada pada tahap selesa iaitu 16.3%. Namun begitu terdapat juga negeri mempunyai kadar rizab margin bawah 10% seperti Kelantan (0%), Kedah (0.5%), Perlis (4.2%) dan Johor (9.7%).

6. Kadar NRW yang tinggi turut memberi kesan kepada kelangsungan perkhidmatan bekalan air kepada para pengguna. Justeru bagi menurunkan kadar NRW ke tahap 25% pada tahun 2025, Kerajaan telah melaksanakan Program NRW Kebangsaan melalui Pendekatan 1 dan Pendekatan 2 dengan peruntukan sebanyak RM1.9 bilion. Program ini telah bermula pada RMKe-11 dan disambung dalam RMKe-12. Pada tahun 2020, kadar NRW Semenanjung Malaysia dan Labuan adalah 33.8%.

7. Faktor utama yang memberi kesan kepada kelangsungan perkhidmatan bekalan air adalah kemampuan kewangan operator bekalan air. Ia amat penting bagi memastikan kemampuan operator air membina loji baharu, menukar paip usang, memastikan penyenggaraan secara berkala dan melaksanakan program NRW secara holistik. Pada masa ini kedudukan kewangan operator air secara amnya adalah tidak berdaya maju kerana kadar tarif yang tidak mampan.

8. Tarif air yang rendah pada masa ini adalah disebabkan oleh struktur tarif dan penentuan kadar yang berbeza-beza di setiap negeri serta tiada mekanisme yang seragam dalam menetapkannya. Secara umumnya, purata tarif air adalah RM1.37 bagi setiap meter padu penggunaan (m^3) berbanding purata kos keseluruhan iaitu RM1.68/ m^3 yang merangkumi perbelanjaan operasi dan perbelanjaan modal. Kos keseluruhan ini lebih tinggi jika ditambah kos sumber air seperti empangan dan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) yang dibayai secara geran oleh Kerajaan Persekutuan.

9. Justeru, Kementerian telah membangunkan mekanisme penetapan tarif air atau '*Tariff Setting Mechanisme*' (TSM) untuk semakan tarif pada masa akan datang. TSM akan memastikan proses penetapan tarif air yang seragam, adil dan telus kerana ia mengambil kira kos-kos yang layak dan efisien sahaja. Pelaksanaan TSM dapat menjamin perkhidmatan bekalan air yang lebih berkualiti dan seterusnya menyokong matlamat kesejahteraan rakyat serta memangkin pertumbuhan ekonomi yang lebih baik. Melalui TSM, kedudukan kewangan operator air akan dapat dipulihkan dan membolehkan mereka memenuhi keperluan kewangan bagi tujuan perbelanjaan operasi dan perbelanjaan modal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

DATUK RAZALI BIN IDRIS minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan mengenai Geran Padanan berkaitan Seni dan Budaya serta perancangan terkini Kementerian mengenai dana ini dan sasaran penggiat seni dan budaya yang akan menerima manfaat geran ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Geran Sepadan Penyemarakan Seni Budaya adalah merupakan inisiatif yang diumumkan melalui Pembentangan Bajet 2022 di bawah Pelan Pemulihan Pelancongan. Inisiatif ini dirangka untuk membantu para penggiat kebudayaan dalam penganjuran program seni dan budaya yang berimpak tinggi.

2. Pelaksanaan Geran Sepadan Penyemarakan Seni Budaya ini akan menggunakan peruntukan *one-off* Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) berjumlah RM25juta. Lanjutan daripada pengumuman semasa pembentangan Belanjawan 2022 dan kelulusan Rang Undang-Undang Perbekalan 2022 di Dewan Rakyat dan Dewan Negara baru-baru ini, MOTAC kini sedang menyediakan Garis Panduan Geran Sepadan Penyemarakan Seni Budaya bagi tujuan ini. Garis Panduan ini kelak akan dijadikan rujukan oleh persatuan, pertubuhan bukan berasaskan keuntungan, syarikat berdaftar, koperasi berdaftar serta anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang berminat untuk memohon.

3. Program yang akan dilaksanakan kelak boleh dianjurkan dalam bentuk fizikal mahupun hibrid secara *online* digital, tertakluk kepada arahan dan peraturan dari semasa ke semasa. Program yang boleh dipertimbangkan termasuklah pameran dan ekspo, pementasan, pertandingan, persidangan, penerbitan dan lain-lain program yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Datuk Paul Igai minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik terkini penyalahgunaan dadah yang melibatkan remaja bawah umur 18 tahun mengikut negeri dan jantina daripada tahun 2016. Apakah strategi terkini Agensi Anti Dadah dalam mengatasi masalah penyalahgunaan dadah khususnya yang melibatkan remaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah penagih dan penyalah guna dadah serta bahan dalam kalangan remaja berumur 13 hingga 18 tahun daripada tahun 2018 sehingga Oktober 2021 adalah seramai 12,133 orang. Bagi tahun 2018, negeri Kelantan mencatatkan bilangan penagih dan penyalah guna dadah serta bahan dalam kalangan remaja yang terbanyak diikuti negeri Pahang dan negeri Selangor. Manakala bagi tahun 2019 sehingga 2020, negeri yang mencatatkan bilangan penagih dan penyalah guna dadah serta bahan dalam kalangan remaja yang terbanyak adalah negeri Kelantan diikuti negeri Sarawak dan negeri Johor.

Bagi statistik berdasarkan jantina pula bermula tahun 2018 sehingga 2020, penagih dan penyalah guna dadah serta bahan dalam kalangan remaja lelaki adalah lebih tinggi berbanding bilangan remaja perempuan dengan jumlah seramai 9,724 orang remaja lelaki (90.3%) dan 1,039 orang remaja perempuan (9.7%).

Bagi mengatasi masalah penyalahgunaan dan penagihan dadah di kalangan remaja, AADK melaksanakan program-program pendidikan pencegahan bertujuan untuk meningkatkan faktor pelindung dan mengurangkan faktor risiko bagi mengelakkan mereka terlibat dengan kes penyalahgunaan dadah. Antara program khusus yang dijalankan untuk remaja ialah program SHIELDS (Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya) yang diperkenalkan kepada pelajar-pelajar sekolah

menengah berumur 13 hingga 17 tahun.

Program intervensi dan pendidikan pencegahan dadah ini diperkenalkan untuk meningkatkan kesedaran serta pengetahuan mengenai bahaya dadah di kalangan remaja. Sehingga Oktober 2021, sebanyak 97 Program SHIELDS telah dilaksanakan dan disertai oleh seramai 7,578 orang pelajar daripada 206 buah sekolah yang dilaksanakan secara bersemuka dan atas talian.

AADK juga melaksanakan program *Family On Alert* (FOA) iaitu program kekeluargaan melibatkan keluarga berisiko yang menasaskan penyertaan ibu bapa serta ahli keluarga. Mereka akan diberi kesedaran tentang penyalahgunaan dadah dengan lebih berkesan serta memberi pengetahuan dan kemahiran gaya keibubapaan bagi memastikan ahli keluarga bebas daripada dadah. Sehingga Oktober 2021, sebanyak 106 program FOA telah dilaksanakan secara bersemuka dan atas talian yang disertai seramai 6,184 orang.

Selain itu, langkah strategik yang dilaksanakan oleh AADK kepada semua lapisan masyarakat termasuk golongan remaja adalah menambah baik program pencegahan dan pemulihan melalui program *Community Empowerment*. Program ini berasaskan komuniti yang menggerakkan masyarakat setempat serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam menangani permasalahan penagihan dadah menerusi peranan yang perlu dimainkan oleh masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua,

Program kesedaran awam yang lebih agresif juga turut dilaksanakan

menerusi Pelan Media yang menggunakan pelbagai medium agar mesej antidadah dapat disampaikan kepada kumpulan sasar, terutamanya remaja dan pelajar sekolah. Medium-medium pelan media yang digunakan meliputi media penyiaran, media cetak, media baru, dan program bersemuka (bas pameran dan pameran statik).

Di samping itu, AADK juga telah mewujudkan khidmat Tele-Hello AADK, sebuah talian kaunseling khusus untuk mereka yang memerlukan bantuan khidmat nasihat dan kaunseling berkaitan isu penyalahgunaan dan penagihan dadah. Mereka yang menggunakan perkhidmatan ini akan diberikan sokongan moral, emosi dan psikososial agar bermotivasi untuk menghentikan tabiat penyalahgunaan dan penagihan dadah lalu mengubah cara hidup mereka ke arah yang lebih baik. Kaedah ini merupakan pencegahan awal yang memberikan terapi kaunseling kepada penyalah guna dadah daripada menjadi penagih dadah yang tegar. Perkhidmatan Tele-Hello AADK beroperasi 7 hari seminggu dan dikendalikan oleh pegawai AADK.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI AHMAD BIN YAHAYA
TARIKH : 22 DISEMBER 2021

Dato' Haji Ahmad Bin Yahaya minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pengesanan kes kemurungan dan kecelaruan keresahan (anxiety) melalui saringan sendiri aplikasi MySejahtera yang dibangunkan oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pengukuhan perkhidmatan kesihatan mental menerusi digitalisasi mula dilaksanakan di mana komponen kesihatan mental telah dimasukkan di bawah *Digital Health* dalam Aplikasi MySejahtera bermula 20 Ogos 2021. Inisiatif terkini KKM ini bertujuan untuk memperkasakan masyarakat di dalam saringan dan penjagaan kesihatan mental sendiri. Saringan kesihatan mental yang dilaksanakan di dalam aplikasi MySejahtera hanya mengenal pasti mereka yang berisiko terhadap masalah kesihatan mental.
2. Sejak mula dilancarkan sehingga 15 Disember 2021, seramai 9009 responden telah menjalani saringan sendiri minda sihat melalui aplikasi MySejahtera. Daripada jumlah ini seramai 3296 (37%) dalam kalangan responden melaporkan mengalami perasaan murung dan sedih manakala 4045 (45%) melaporkan mengalami perasaan kurang minat dalam melakukan aktiviti harian. Ingin sekali lagi saya nyatakan bahawa data ini bukanlah diagnosis kepada penyakit kemurungan atau keresahan tetapi adalah mereka yang dikenal pasti mempunyai gejala awal risiko masalah kesihatan mental dan perlu menjalani penilaian lebih lanjut.

3. Inisiatif saringan sendiri minda sihat menerusi Aplikasi MySejahtera ini merupakan fasa awal proses digitalisasi perkhidmatan kesihatan mental dan akan terus dibuat penambahbaikan. Ini termasuk memperkukuhkan proses penilaian risiko serta mewujudkan proses sistem rujukan ke fasiliti kesihatan bagi individu yang disaring dan didapati berisiko mengalami masalah kesihatan mental. Masyarakat juga boleh mendapatkan maklumat tentang talian bantuan sokongan psikososial dan maklumat tentang kesihatan mental melalui aplikasi MySejahtera yang akan terus dikemaskini dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.